

قیته قیته

PETIKAN TITAH

"DALAM usaha meningkatkan imej dan kredibiliti, Sekolah Pegawai Kadet perlu meneruskan Program-program Latihan Bersama, Lawatan dan Pertukaran Pegawai Kadet dengan Sekolah Pegawai Kadet di luar negara".

Titah Sempena Upacara Sovereign's Parade Sekolah Pegawai Kadet Akademi Pertahanan ABDB Pengambilan Ke-18 pada 27 Jamadilawal 1441H / 23 Januari 2020M.

Waktu Sembahyang



BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

IMSAK  
4.50

SUBUH  
5.00

SYURUK  
6.18

DUHA  
6.40

ZUHUR  
12.24

ASAR  
3.26

MAGHRIB  
6.29

ISYAK  
7.38

TAHUN 65 / BILANGAN 41

4 APRIL 2020 / 1441 شعبان 10

JABATAN PENERANGAN

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

EDISI SABTU / PERCUMA

# Negara dapat kawal wabak COVID-19 dengan baik

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 3 April. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar berkata bahawa pemantauan situasi jangkitan wabak COVID-19 pada ketika ini menunjukkan jumlah ujian makmal yang semakin meningkat sekali gus membawa kepada kapasiti maksima sebanyak 1,000 ujian sehari.

Di samping itu jelas Yang Berhormat, terdapat penurunan jumlah kes yang disahkan dan dilaporkan setiap hari begitu juga peningkatan jumlah kes yang telah sembuh.

"Ini adalah antara tanda-tanda yang menunjukkan bahawa wabak COVID-19 di negara ini telah dapat dikawal dengan baik. Walau bagaimanapun, rakyat dan penduduk negara ini tidak boleh leka dan larai kerana keadaan pandemik COVID-19 masih berkembang dengan cepat di negara-negara lain," ujar Yang Berhormat pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei

Darussalam yang diadakan di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan.

Pada hari ini saja jelas Yang Berhormat, jumlah kes yang dilaporkan di seluruh dunia telah melebihi satu juta orang dengan lebih 50 ribu kematian. Oleh itu tambah Yang Berhormat lagi, walaupun pada hakikatnya, Negara Brunei Darussalam telah berhasil *in flattening the curve* namun negara kita ini masih lagi di bawah ancaman kemasukan virus tersebut dari negara luar.

"Disarankan agar masyarakat akan terus berdoa agar negara *kitani* akan dapat mengawal penularan wabak COVID-19 ini dan mendoakan pesakit-pesakit kita diberi kesembuhan sepenuhnya serta negara sentiasa dilindungi Allah Subhanahu Wata'ala jua. Aamiin," ujar Yang Berhormat Menteri.

Menurut Yang Berhormat pada sidang media tersebut, memang pada lazimnya, sesuatu wabak hanya akan diisytiharkan tamat apabila tidak ada kes lagi dilaporkan dalam masa dua kali tempoh inkubasi jangkitan (bagi COVID-19, ini adalah dua kali 14 hari, iaitu 28 hari).

Ke muka 3



YANG Berhormat Menteri Kesihatan menjelaskan Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam pada Sidang Media yang diadakan di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan.

## STATISTIK TERKINI COVID-19

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Maklumat setakat 3 APRIL 2020, 5:00 petang

JUMLAH KES JANGKITAN

134

JUMLAH KEMATIAN

1

JUMLAH KES YANG SEMBUH

65

## TALIAN NASIHAT KESIHATAN COVID-19

148

Waktu operasi 24 jam setiap hari



# COVID -19 : Satu kes baharu, sembilan sembuh

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 3 April. - Satu kes baharu telah disahkan dijangkiti COVID-19 di Negara Brunei Darussalam yang membawa jumlah keseluruhan kes kepada 134 orang pada hari ini.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar menjelaskan perkara tersebut pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam yang diadakan di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Menurut Yang Berhormat, kes 134 berumur 22 tahun adalah seorang pelajar dan warga tempatan yang telah pulang ke negara ini dari Amerika Syarikat melalui United Kingdom dengan menaiki pesawat

Royal Brunei BI004 (tempat duduk 36G) yang tiba pada 29 Mac 2020. Tambahnya, beliau telah menjalani pengasingan diri sebaik sahaja tiba ke negara ini dan tidak mempunyai tanda-tanda jangkitan.

"Kementerian Kesihatan juga ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa alhamdulillah, dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua, pada hari ini sembilan lagi kes yang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan telah disahkan sembuh dan dibenarkan untuk pulang ke rumah, yang membawa jumlah keseluruhan yang telah sembuh kepada 65 orang," ujar Yang Berhormat.

Ke muka 3

Hujung Minggu

قُلْ بِوْبِيْ

مانیسش ایمان

MANISNYA IMAN

"DAN janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi (dengan syirik dan maksiat) sesudah (Allah) memperbaikinya (dengan mengutus rasul-rasul dan menetapkan syariat-Nya)".  
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah al-AA'raf : 56.

IKUTI KAMI DI



APLIKASI  
MUDAH ALIH  
**InfoDeptBN**

Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri Brunei Darussalam

infodept.bn infodept\_bn

## Berita Utama



JASA, khidmat sukarelawan amat dihargai

Muka 6



BUKU zikir, doa diagihkan kepada orang ramai

Muka 7



NFABD laksana Majlis Menyahkuman Masjid

Muka 20



TINGKATKAN ukhuwah melalui pelbagai aktiviti

Muka 22

# Teliti rancangan dengan kreatif, inovatif

Bismillahir Rahmanir Rahim  
Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

**A**LHAMDULILLAH, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'alai kerana dengan izin-Nya kita semua bersama-sama dapat hadir pada petang ini bagi Majlis Konvensyen Majlis Perundingan Kampung (MPK) Belia Daerah Tutong 2020.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Pengurus Bersama dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Majlis Konvensyen MPK Belia Daerah Tutong 2020 ini atas inisiatif menganjurkan Majlis Konvensyen MPK Belia Daerah Tutong 2020 ini.

Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada para belia kerana bersedia menyahut seruan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menjadi penggerak agenda pembangunan negara sesuai dengan matlamat konvensyen sebagai future roofing kepada kepimpinan MPK di masa depan.

Konvensyen kali pertama yang dianjurkan bersama oleh Jabatan Daerah Tutong dan Badan Kemajuan dan Kreatif Daerah Tutong ini bertujuan untuk mendekatkan para belia bagi memahami fungsi dan peranan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK). Dengan pendekatan ini diharap para belia akan dapat bergiat aktif dalam program, projek dan aktiviti MPK. Saya difahamkan semasa konvensyen ini para peserta menghadiri forum, didekah dengan taklimat bersama para mentor dan berpeluang untuk berinteraksi bagi membina rangkaian atau network bersama para mentor. Para belia juga berkongsi ilmu pengetahuan dan pengalaman yang diraih dalam menyumbang kepada pergerakan aktif MPK.

Kita juga bersyukur dan berbangga dengan penglibatan para belia di negara ini dalam aktiviti-aktiviti sukarelawan, menyertai persatuan-persatuan atau perkumpulan-perkumpulan yang bergiat dalam aktiviti sukan, kerja-kerja amal, program keagamaan, pendidikan, kebudayaan dan lain-lain lagi. Konvensyen ini diharap dapat menarik minat para belia untuk menyumbang kepada kemajuan kampung-kampung mereka.

Saya difahamkan bahawa Jabatan Daerah Tutong juga menyediakan beberapa platform untuk para belia berkecimpung dalam berbagai-bagi sektor seperti sektor sosioekonomi



**MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong semasa berucap pada Majlis Konvensyen Belia MPK Daerah Tutong 2020 pada Rabu, 2 Rejab 1441 Hijrah / 26 Februari 2020 Masihi di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong.**

masyarakat misalnya Bazar Usahawan yang diadakan sebulan sekali dan dikendalikan bersama Bahagian Institusi Mukim dan Kampung dan Belia MPK secara bergilir-gilir.

Konvensyen juga menyediakan platform bagi persatuan bukan kerajaan dan keusahawanan sosial untuk berkongsi projek, aktiviti dan pengalaman masing-masing melalui pameran.

Dalam merancang kegiatan-kegiatan nanti para belia disyorkan untuk meneliti rancangan-rancangan itu dengan kreatif dan inovatif. Dalam bidang kegiatan ekonomi umpamanya, usaha tidak sahaja menjurus kepada menghasilkan produk seperti makanan dari sumber-sumber yang ada. Dengan bilangan lebih 238 produk 1K1P yang sudah diusahakan di seluruh negara oleh 86 buah kampung para belia mungkin berminat untuk memberi nilai tambah kepada beberapa produk untuk dapat menarik penjualan. Sehubungan ini, dengan daya kreatif mungkin perhatian dapat diberikan kepada aspek pembungkusan produk-produk ini dengan menyediakan design yang menarik. Dengan ini akan membantu pengusaha-pengusaha 1K1P

dalam pembungkusan dan aktiviti pembungkusan ini boleh diangkat sebagai produk kampung berkenaan.

Dalam usaha kita menggalakkan dan menyediakan ruang untuk para belia melaksanakan kegiatan-kegiatan adalah juga perlu bagi Pemimpin-pemimpin Masyarakat, Pegawai-pejawai Daerah, Penolong-penolong Pegawai Daerah, Penghulu-penghulu, Ketua-ketua kampung serta Ahli-ahli MPMK untuk memantau kegiatan-kegiatan berkenaan supaya program-program atau kegiatan-kegiatan berkenaan selaras dengan nilai-nilai Melayu Islam Beraja dan nilai-nilai Negara Zikir. Mereka perlu terus dibimbang dan dinasihat dari semasa ke semasa supaya kita akan dapat membentuk dan melahirkan generasi belia yang mempunyai jati diri, aktif, produktif, berinovasi dan mempunyai pandangan ke hadapan yang diharap akan dapat menjadi pemimpin akar umbi di kampung masing-masing.

Pindaan syarat umur dalam Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung dari 45 ke 55 tahun bagi pemegang jawatan penghulu mukim dan ketua kampung diturunkan kepada 30 tahun adalah suatu bukti kepercayaan dan pengiktirafan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada kewibawaan para belia untuk meneraju kepimpinan akar umbi sebagai ketua kampung dan penghulu mukim. Sehubungan ini, saya berharap para belia akan dapat menjadikan penglibatan aktif mereka dalam majlis perundingan kampung sebagai asas untuk mengasah dan melengkapkan diri masing-masing dengan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman kepimpinan yang akan dapat digunakan dalam memikul peranan sebagai pemimpin kampung.

Konvensyen ini diharap akan memberikan motivasi dan semangat kepada para belia untuk bergiat aktif dalam meningkatkan kuantiti, kualiti dan produktiviti MPK masing-masing.

Bagi mengakhiri ucapan ini, saya sekali merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Pengurus Bersama dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Konvensyen Belia MPK Daerah Tutong pada hari ini dan berharap segala usaha murni yang telah lama dijalankan ini akan sentiasa diteruskan dan dipertingkatkan.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

## Dari Sidang Pengarang.

4 APRIL 2020 BERSAMAAN 1441 شعبان 10

### PELBAGAI USAHA DILAKSANA BERSAMA

**A**LHAMDULILLAH kebanyakannya kes yang disahkan positif COVID-19 di Negara Brunei Darussalam adalah berpunca daripada kes-kes yang dibawa dari luar. Ini secara tidak langsung memberikan gambaran bahawa kesedaran dalam sama-sama menangani penularan jangkitan wabak berkenaan daripada pihak kerajaan sendiri dan rakyat juga penduduk negara ini adalah tinggi.

Pelbagai usaha dilaksanakan oleh pihak kerajaan dalam sama-sama memastikan penularan wabak COVID-19 dapat dihentikan dalam kalangan rakyat dan penduduk negara ini, iaitu tidak membenarkan rakyat dan penduduk keluar negara melalui sempadan kecuali jika memerlukan sahaja dan mendapat kebenaran daripada pihak berkenaan terlebih dahulu dan arahan penangguhan belayar keluar negara.

Selain itu, meningkatkan kesedaran dalam kalangan rakyat dan penduduk dilaratkan dengan memperkenalkan sistem penjaraan sosial, kemudian tidak menggalakkan mengadakan mana-mana acara yang bersifat mass gathering dalam kalangan rakyat dan penduduk negara ini, iaitu bagi sama-sama memastikan kluster punca penularan wabak dapat dikurangkan. Platform berdasarkan Artificial Intelligence (AI) dibangunkan, iaitu dalam usaha untuk menghasilkan Real-Time Government Dashboard.

Pemindaaan Perintah Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204 (Pindaan) 2020 turut diperkenankan dalam sama-sama memastikan langkah-langkah pencegahan penularan wabak dapat dilaksanakan semaksimumnya dan berkesan dengan kerjasama Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB). Pihak swasta turut diperingatkan untuk memberikan kebenaran jika pegawai dan kakitangan mereka diarahkan untuk self-isolation di rumah masing-masing dan mendapat surat daripada Kementerian Kesihatan mengenainya.

Di samping itu, rakyat dan penduduk negara ini, sama ada individu, syarikat atau persatuan berganding bahu turut berkesempatan untuk membantu kerajaan dalam memastikan pencegahan penularan wabak dapat dilaksana seumpama dengan melalui COVID-19 Relief Fund yang setakat ini alhamdulillah mengumpul kira-kira lebih 3.2 juta ringgit.

Sumbangan boleh dibuat melalui pemindaaan terus secara dalam talian (*online*) ke dalam akaun Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) melalui Nama Akaun : COVID-19 Relief Fund; Jenis Akaun : Current Account; dan Nombor Akaun : 101 007 0123.

Pelbagai inisiatif diperkenal oleh pelbagai pihak, iaitu daripada pihak kerajaan dan swasta dalam memastikan perjalanan kerja di sektor awam atau swasta dapat berjalan lancar seperti biasa walaupun berhadapan dengan COVID-19 melalui Business Continuity Plan (BCP) masing-masing.

Selain itu, e-learning turut dilaksana dalam kalangan pelajar di negara ini bagi memastikan pembelajaran masih berjalan seperti biasa walaupun sekolah-sekolah di seluruh negara ditutup ketika ini. Manakala Kementerian Pendidikan dengan kerjasama pihak pengendali *internet* memperkenalkan platform bersesuaian bagi memastikan e-learning mampu diakses di mana sahaja dan bila-bila masa oleh para guru dan pelajar masing-masing.

Alhamdulillah sumbangan secara ihsan daripada individu, swasta dan persatuan terus diterima, sama ada berupa kewangan, peralatan, barang-barang keperluan, tenaga kepada para petugas barisan hadapan kita atau *frontliners* kita di tempat-tempat yang dikenal pasti, seperti Pusat Pengasingan Kebangsaaan, hotel-hotel dan sebagainya.

Di samping itu, sukarelawan turut tampil ke hadapan memberikan bantuan, pelbagai sumbangan dihulurkan, usaha dilaksanakan, doa ditadahan, pemantauan berterusan, kesedaran akan kebersihan turut dipraktikkan, pencegahan menangani penularan wabak tetapi terus diusahakan.

Kerjasama yang diberikan dalam sama-sama memastikan pencegahan penularan wabak COVID-19 alhamdulillah amat merangsang, semoga semua sumbangan, usaha, doa dan tenaga yang disumbangkan mendapat keredaan, dimakbulkan, diterima dan diperkenan, diberikan balasan yang setimpal daripada Allah atas keikhlasan yang diberikan.

Semoga semua mereka yang disahkan positif akan diberikan kesembuhan, negara kita akan kekal dalam keberkatan, kesentosaan, kemakmuran, kesejahteraan berkekalan, di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan berkat daulat baginda sebagai ulil amri atau pemimpin watan. *Aamiin Yaa Rabbal Alamin.*

- Ketua Penyuntingan (Nb).

RAMALAN CUACA 3 HARI		
SABTU	AHAD	ISNIN
<b>BANDAR SERI BEGAWAN</b>		
33 °C	32 °C	33 °C
26 °C	26 °C	26 °C
PEKAN BANGAR		
32 °C	32 °C	31 °C
26 °C	26 °C	26 °C
PEKAN TUTONG		
31 °C	32 °C	33 °C
26 °C	26 °C	26 °C
KUALA BELAIT		
33 °C	32 °C	32 °C
26 °C	26 °C	26 °C

WAKTU SEMBAHYANG									
firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud: ...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasy' dan mungkar."									
Masihi APRIL	HARI	Hijrah SYAABAN	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB ISYAK
4	SABTU	10	4.50	5.00	6.18	6.40	12.24	3.26	6.29 7.38
5	AHAD	11	4.50	5.00	6.17	6.40	12.24	3.26	6.28 7.38
6	ISNIN	12	4.49	4.59	6.17	6.39	12.24	3.27	6.28 7.38
7	SELASA	13	4.49	4.59	6.17	6.39	12.23	3.27	6.28 7.38
8	RABU	14	4.48	4.58	6.16	6.39	12.23	3.28	6.28 7.38
9	KHAMIS	15	4.48	4.58	6.16	6.38	12.23	3.28	6.28 7.38
10	JUMAAT	16	4.47	4.57	6.15	6.38	12.23	3.29	6.28 7.38

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

**TALIAN KECEMASAN**

AMBULANS 991 | POLIS 993 | BOMBA 995 | PENYELAMAT 998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK  
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam

123

NDMC  
2380214

# COVID -19 : Satu kes baharu, sembilan sembuh

Oleh : Saerah Haji Abd. Ghani  
 Foto : Muhammad Asri  
 Haji Awang Abas

## Dari muka 1

Yang Berhormat berkata, ini bermakna terdapat 68 kes yang masih dirawat di Pusat berkenaan. Daripada jumlah tersebut, tiga orang masih dalam keadaan kritis dan memerlukan bantuan mesin pernafasan di Unit Rawatan Intensif di Pusat tersebut di mana salah seorang daripadanya masih memerlukan bantuan mesin tambahan Heart / Lung Machine (ECMO) dan sementara itu, selebihnya adalah dalam keadaan yang baik.

Sementara itu tambah Yang Berhormat, pada masa ini, seramai 440 orang sedang menjalani kuarantin, menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204, manakala seramai 1,898 orang telah menamatkan tempoh kuarantin dan dalam keadaan yang baik.



**YANG Berhormat Menteri Kesihatan menjelaskan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di negara ini pada Sidang Media tersebut.**

Sejak awal Januari 2020 katanya lagi, sebanyak 7,566 ujian makmal bagi COVID-19 dijalankan, yang membawa nisbah kepada satu dalam 57 orang ramai yang sudah dibuat pemeriksaan bagi COVID-19.

Untuk maklumat lanjut dan

perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn) atau bolehlah terus menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 (pada bila-bila masa) atau melalui aplikasi [healthinfo.gov.bn](http://healthinfo.gov.bn).

## Negara dapat kawal wabak COVID-19 dengan baik

### Dari muka 1

Akan tetapi kata Yang Berhormat Menteri bahawa virus ini dijangkakan mungkin tidak akan dapat dihapuskan sama sekali, terutama sekali mengambil kira penularannya di tahap global yang belum dapat dikawal pada masa ini.

Oleh yang demikian katanya, adalah sangat penting bagi kita untuk sama-sama mengawal sebaik mungkin penularan jangkitan COVID-19 di negara ini supaya sekurang-kurangnya sebahagian daripada larangan-larangan yang ada pada masa sekarang dapat dikurangkan dengan perlahan-lahan dan secara berperingkat-peringkat.

"Sepertimana yang diketahui, tempoh pengasingan diri adalah

selama 14 hari dari hari ketibaan. Walau bagaimanapun hari ketibaan adalah dinamakan hari kosong ataupun tidak dikira. Sebagai contoh bagi mereka yang telah tiba pada 20 Mac 2020, pengasingan diri akan tamat pada 4 April 2020, iaitu hari ke-15 setelah menamatkan tempoh hari ke-14. Ini adalah bagi memastikan tempoh pengasingan dijalankan dengan sepenuhnya," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat menambah, Kementerian Kesihatan juga ingin memaklumkan kepada ibu bapa dan penjaga untuk bekerjasama dan mematuhi masa yang telah dijadualkan untuk mengambil anak-anak mereka pulang dari tempat pengasingan masing-masing.

## Bekalan perubatan negara mencukupi

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 3 April. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar berkata bahawa sejak penularan jangkitan wabak COVID-19 di negara ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, terutama sekali Kementerian Kesihatan dan agensi-agensi yang berkaitan telah pun membuat siaran akbar atau kenyataan media supaya masyarakat pada umumnya akan mengetahui lebih dekat lagi situasi kerajaan dan bagaimana pengawalannya.

Perkara demikian dijelaskan oleh Yang Berhormat semasa sesi soal jawab pada Sidang Media bagi Status Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam yang diadakan di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

"It's not just a government, it needs the approach of the whole nation. Jadi yang penting masyarakat perlu mematuhi segala peraturan yang telah diutarakan, walaupun sesebuah negara boleh membuat pengawalan atau peraturan, jika tidak diikuti oleh

masyarakat atau tidak memahami kenapa kerajaan berbuat demikian, akan menyukarkan pihak kerajaan. Alhamdulillah, Kementerian Kesihatan dan agensi kerajaan yang lain sangat bersyukur dengan membuat siaran media seumpama ini, orang ramai akan lebih faham dan mudah mematuhi segala peraturan yang dijalankan," ujar Yang Berhormat.

Semasa menjawab mengenai penggunaan penutup hidung dan mulut (mask), Yang Berhormat menjelaskan, ia boleh dipakai, namun belum dimestikan dan tidak seperti di negara lain yang memerlukan mereka untuk memakai mask berkenaan. Jelasnya, dalam melaksanakan pemakaian mask, kita perlu melihat kepada tiga situasi, iaitu orang yang memakai, keadaan masyarakat dan keramaian penduduk serta penyebaran masyarakat.

Dalam menjelaskan mengenai bekalan perubatan, Yang Berhormat berkata, kebanyakannya barang keperluan biasanya datang dari negara Eropah dan sebahagiannya daripada China, seperti yang diketahui Eropah pada

masa ini sukar untuk kita mendapatkan keperluan dari sana.

"Alhamdulillah, kami berjaya mendapatkan barang-barang keperluan dari China dengan bantuan Kerajaan China dan Kedutaan China serta beberapa buah syarikat di negara ini untuk mendapatkan beberapa keperluan yang diperlukan," jelasnya.

Yang Berhormat menambah, ia memerlukan tujuh hingga ke lapan kali penerbangan Royal Brunei untuk membawa barang-barang seperti katil, mask, hand sanitizer dan sebagainya, terutamanya untuk persediaan pusat pengasingan tambahan.

Menurut Yang Berhormat lagi, negara bertindak agresif dan bersaing bagi mendapat bekalan perubatan kesihatan dengan harga yang melonjak tinggi, di mana kerajaan telah memperuntukkan perbelanjaan bagi memastikan sistem kesihatan tidak regang, malah dengan adanya COVID-19 Relief Fund juga dapat menampung perbelanjaan kerajaan, sekali gus menunjukkan perpaduan masyarakat yang tinggi.

## MAKLUMAT PENTING COVID-19

### NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

#### Kelayakan cuti sakit sektor swasta dipinda

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, tempoh minima perkhidmatan bagi pekerja di sektor swasta bagi mendapatkan kelayakan cuti sakit adalah dipinda kepada apabila tempoh perkhidmatan pekerja dengan majikannya telah mencapai sekurang-kurangnya satu bulan sahaja.

Perubahan tersebut adalah berbentuk sementara dan mula berkuat kuasa bermula 9 Mac 2020 hingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian, tertakluk kepada situasi wabak COVID-19.

#### COVID-19 Relief Fund kutip sebanyak BND3,249,221.97

Keprihatinan daripada pelbagai pihak terdiri daripada syarikat-syarikat, persatuan-persatuan, pihak-pihak persendirian dan orang ramai dalam sama-sama membantu bagi menangani COVID-19 yang melanda di negara ini, COVID-19 Relief Fund setakat ini telah mengutip sebanyak BND3,249,221.97.

#### Pemakaian mask belum dimestikan

Penggunaan penutup hidung dan mulut (mask), Yang Berhormat Menteri Kesihatan menjelaskan, ia boleh dipakai, namun belum dimestikan dan tidak seperti di negara lain yang memerlukan mereka untuk memakai mask berkenaan. Jelasnya, dalam melaksanakan pemakaian mask, kita perlu melihat kepada tiga situasi, iaitu orang yang memakai, keadaan masyarakat, dan keramaian penduduk juga penyebaran masyarakat.

#### Pengasingan diri tamat pada hari ke-15

Tempoh pengasingan diri adalah selama 14 hari dari hari ketibaan. Walau bagaimanapun hari ketibaan adalah dinamakan hari kosong ataupun tidak dikira. Sebagai contoh bagi mereka yang telah tiba pada 20 Mac 2020, pengasingan diri akan tamat pada 4 April 2020, iaitu hari ke-15 setelah menamatkan tempoh hari ke-14. Ini adalah bagi memastikan tempoh pengasingan dijalankan dengan sepenuhnya.

#### Kawal penularan, larangan dikurangkan secara perlahan, berperingkat

Yang Berhormat Menteri Kesihatan menyatakan bahawa wabak COVID-19 dijangkakan mungkin tidak akan dapat dihapuskan sama sekali, terutama sekali mengambil kira penularannya di tahap global yang belum dapat dikawal pada masa ini.

Oleh yang demikian katanya, adalah sangat penting bagi kita untuk sama-sama mengawal sebaik mungkin penularan jangkitan COVID-19 di negara ini supaya sekurang-kurangnya sebahagian daripada larangan-larangan yang ada pada masa sekarang dapat dikurangkan dengan perlahan-lahan dan secara berperingkat-peringkat.

#### Wabak hanya akan diisyitihar tamat jika tidak ada kes dilaporkan dalam masa dua kali tempoh inkubasi jangkitan

Sesuatu wabak hanya akan diisyitiharkan tamat apabila tidak ada kes lagi dilaporkan dalam masa dua kali tempoh inkubasi jangkitan (bagi COVID-19 ini adalah dua kali 14 hari, iaitu 28 hari).

#### Pengurangan larangan hanya dapat dilaksana selepas penelitian bersama agensi kerajaan lain

Pengurangan larangan-larangan hanya akan dapat dilaksanakan selepas pihak Kementerian Kesihatan dan agensi-agensi kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang lain meneliti dan mengambil kira keberhasilan usaha-usaha pengawalan di negara ini juga di peringkat serantau dan global.

TALIAN NASIHAT KESIHATAN COVID-19

**148**

Waktu Operasi 24 jam setiap hari

# COVID-19 : Dua kes baharu, empat sembah

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 2 April. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar berkata, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan mengenai dua lagi

kes baharu yang disahkan dijangkiti COVID-19 di negara ini yang membawa jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini ialah seramai 133 orang.

Yang Berhormat berucap



YANG Berhormat Menteri Kesihatan menjelaskan Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 pada Sidang Media yang berlangsung di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan.

demikian pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Menurut Yang Berhormat, Kes 132, berumur 40 tahun ialah isteri kepada Kes 103. Beliau tidak mempunyai sejarah perjalanan ke luar negara dan telah pertama kali menjalani ujian makmal pada 24 Mac 2020 yang didapati negatif.

Walau bagaimanapun, semasa menjalani kuarantin, beliau telah mula mengalami sakit tekak dan selesma pada 30 Mac 2020.

Kes 133 pula katanya, berumur 38 tahun adalah seorang warga tempatan yang pulang ke negara ini dari United Kingdom melalui Singapura dengan menaiki pesawat Royal Brunei BI424 (tempat duduk 22A) pada 1 April 2020.

Yang Berhormat berkata, beliau mula mengalami demam panas dan batuk pada 16 Mac 2020, iaitu semasa berada di United Kingdom dan tidak mempunyai tanda-tanda jangkitan sepanjang perjalanan pulang ke negara ini.

Di samping itu Yang Berhormat juga menjelaskan, Kementerian Kesihatan juga ingin

memaklumkan kepada orang ramai bahawa Alhamdulillah, dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua, pada hari ini empat lagi kes yang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan disahkan sembah dan dibenarkan untuk pulang ke rumah, yang membawa jumlah keseluruhan yang telah sembah kepada 56 orang.

"Ini bermakna terdapat 76 kes yang sedang dirawat di pusat berkenaan. Daripada jumlah tersebut, tiga orang masih dalam keadaan kritis dan memerlukan bantuan mesin pernafasan di Unit Rawatan Intensif di pusat tersebut, di mana salah seorang daripadanya masih memerlukan bantuan mesin tambahan Heart / Lung Machine (ECMO). Sementara itu, selebihnya adalah dalam keadaan yang baik," terang Yang Berhormat.

Jelas Yang Berhormat lagi, pada masa ini, seramai 451 orang sedang menjalani kuarantin menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204.

Manakala seramai 1,858 orang telah menamatkan tempoh kuarantin dan dalam keadaan yang baik. Sejak awal Januari 2020,

sebanyak 7,055 ujian makmal bagi COVID-19 telah dijalankan, yang membawa kepada nisbah seorang orang dalam 61 penduduk negara ini telah dibuat pemeriksaan untuk COVID-19.

Selain itu, Yang Berhormat juga turut mengongsikan bahawa, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa penyiasatan kes yang terperinci terhadap Kes 121 telah mengaitkan kes tersebut dengan beberapa orang jemaah tabligh yang sebelum ini telah disahkan positif COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, di mana sekurang-kurangnya seorang daripada mereka telah bertemu dengan Kes 121 pada 8 Mac 2020.

"Kes 121 telah didapati mula mengalami tanda-tanda jangkitan pada 17 Mac 2020," kata Yang Berhormat.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn) atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 (pada bila-bila masa) atau melalui aplikasi [healthinfo.gov.bn](http://healthinfo.gov.bn).

## Sumbangan pembinaan Makmal Rujukan Virologi dihargai

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 2 April. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar menjelaskan jumlah keseluruhan kos pembinaan Makmal Rujukan Virologi Kebangsaan Tambahan ialah sebanyak BND569,348.00.

Bangunan Tambahan Makmal tersebut berfungsi sebagai Unit Molekular Diagnostik bagi jangkitan virus respiratori dan dikhususkan bagi ujian penganalisisan pandemik COVID-19.

Perkara itu dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan

pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Sehubungan itu, Yang Berhormat dan juga bagi mewakili Kementerian Kesihatan sukacita ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih

terutama sekali kepada Syarikat LSL Sdn. Bhd. atas sumbangan bagi kos pembinaan sebuah bangunan tambahan, iaitu Unit Diagnostik Molekuler bagi Virus Respiratori, Makmal Rujukan Kebangsaan Virologi (Molecular Diagnostic Unit for Respiratory Viruses, National Virology Reference Laboratory) yang terletak di Jalan Sumbiling, Bandar Seri Begawan.

Di samping itu katanya, Kementerian Kesihatan juga ingin mengucapkan terima kasih

kepada rakan-rakan kontraktor yang lain yang terdiri daripada Trane Aire Sdn. Bhd., Syarikat Daya Engineering Sdn. Bhd., Amberhigh Sdn. Bhd., Beaver Engineering Sdn. Bhd., Kha Arkitek, Swee Sdn. Bhd., Petar Perunding Sdn. Bhd., Supinda Electronic and Trading Company, Razaco Transport Services dan Gaya Reka Sdn. Bhd. yang turut sama-sama menyumbangkan kepada kos pembinaan Makmal Virologi Tambahan tersebut.

## COVID-19 Relief Fund kutip BND3,249,221.97

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 2 April. - COVID-19 Relief Fund setakat ini telah membuat kutipan sebanyak BND3,249,221.97, iaitu hasil daripada sumbangan ikhlas daripada pelbagai pihak yang begitu prihatin dalam sama-sama membantu bagi menangani COVID-19 yang melanda di negara ini.

Sehubungan dengan keprihatinan dari pelbagai pihak, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar mewakili Kementerian Kesihatan melahirkan ucapan ribuan terima kasih kepada syarikat-syarikat, persatuan-persatuan, pihak-pihak persendirian dan orang ramai yang memberikan sumbangan ikhlas kepada COVID-19 Relief Fund berkenaan.

Perkara itu disuarakan oleh Yang Berhormat Menteri

Kesihatan pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah pun mengurniakan titah perkenan bagi kerajaan untuk membuka satu akaun COVID-19 Relief Fund bagi membolehkan orang ramai untuk membuat sumbangan dalam membantu menangani penularan COVID-19.

Syarikat-syarikat dan orang ramai adalah dialu-alukan untuk terus membuat sumbangan kepada tabung berkenaan melalui pemindahan terus secara online ke dalam akaun dengan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) melalui Nama Akaun : COVID-19 Relief Fund; Jenis Akaun : Current Account; dan Nombor Akaun : 101 007 0123.



PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI



@upa.ppdb



[www.police.gov.bn](http://www.police.gov.bn)

# Dua kes baharu disahkan

Oleh : Nooratini Haji Abas  
 Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 1 April. - Kementerian Kesihatan memaklumkan sebanyak dua lagi kes baharu disahkan dijangkiti COVID-19 di negara ini, sekali gus membawa jumlah keseluruhan menjadi 131 orang.

Kes 130 adalah seorang warga tempatan, berumur 39 tahun yang menyertai Kalimantan Bike Week bersama 32 rakannya yang menjalani pengasingan diri sejak pulang ke negara ini pada 16 Mac 2020. Beliau menghidap batuk yang berpanjangan dan menjalani ujian makmal bagi COVID-19 pada 30 Mac 2020.

Seterusnya Kes 131, berumur 28 tahun, di mana beliau menjalani pengasingan diri sejak pulang ke negara ini dari Amerika Syarikat melalui Singapura, menaiki pesawat Royal Brunei BI424 (tempat duduk 28A) pada 16 Mac 2020 dan mula mengalami sesak

nafas ringan pada 21 Mac 2020 dan hanya menjalani ujian makmal bagi COVID-19 pada 30 Mac 2020 setelah sesak nafas beliau semakin teruk.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar menjelaskan pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Kementeriannya jelasnya, ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa tujuh lagi kes yang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua hari ini disahkan sembuh dan dibenarkan pulang ke rumah. Ini membawa jumlah keseluruhan yang sembuh seramai 52 orang. Manakala terdapat 78 kes lagi sedang dirawat di pusat berkenaan.

Menurut Yang Berhormat lagi, tiga orang daripada jumlah tersebut masih dalam keadaan kritis dan memerlukan bantuan mesin pernafasan di Unit Rawatan Intensif di pusat tersebut, di mana salah seorang daripadanya sekarang masih memerlukan bantuan mesin tambahan Heart / Lung Machine (Extracorporeal Membrane Oxygenation - ECMO).

Sementara itu, selebihnya adalah dalam keadaan yang baik.

"Untuk makluman orang ramai, alhamdulillah dengan izin Allah, kanak-kanak yang berumur dua tahun (Kes 34); sembilan bulan (Kes 40); dan tiga tahun (Kes 62) sembuh dan pulang ke rumah masing-masing. Manakala, kanak-kanak lain masih berada di Pusat Pengasingan dan berada dalam keadaan baik," terangnya.

Yang Berhormat kemudian mengongsikan bahawa Kementerian Kesihatan menyatakan seramai 692 orang pada masa ini sedang menjalani kuarantin, menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204.

Manakala seramai 1,588 orang

pula menamatkan tempoh kuarantin dan dalam keadaan yang baik. Sejak awal Januari 2020, sebanyak 6,799 ujian makmal bagi COVID-19 dijalankan.

"Kementerian Kesihatan juga ingin memaklumkan kepada orang ramai, bahawa alhamdulillah pada hari ini, pengambilan sampel untuk ujian makmal bagi COVID-19 bagi kesemua mereka yang telah pulang ke tanah air selepas membuat perjalanan antarabangsa dan sedang menjalani pengasingan diri di fasiliti-fasiliti yang disediakan oleh kerajaan telah selesai dijalankan," ujar Yang Berhormat.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn) atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 (pada bila-bila masa) atau melalui aplikasi [healthinfo.gov.bn](http://healthinfo.gov.bn).



**SIDANG** Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

## Pindaan kelayakan cuti sakit swasta diperkenankan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 1 April. - Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tempoh minima perkhidmatan bagi pekerja di sektor swasta bagi mendapatkan kelayakan cuti sakit adalah dengan ini dipinda kepada apabila tempoh perkhidmatan pekerja dengan majikannya telah mencapai sekurang-kurangnya satu bulan sahaja.

Perubahan ini adalah berbentuk sementara dan mula berkuat kuasa bermula 9 Mac 2020 sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian, di mana tertakluk kepada situasi wabak COVID-19 yang sedang kita sama-sama tangani pada masa ini.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong menyentuh bagi menjawab persoalan mengenai dengan kelayakan cuti sakit bagi pekerja sektor swasta yang belum mencapai sekurang-kurangnya enam bulan perkhidmatan dengan majikannya, yang ditimbulkan dalam salah satu sesi Sidang Media yang diadakan pada Ahad, 22 Mac 2020 lalu.

Berikut dengan isu yang ditimbulkan, Jabatan Buruh Jelasnya, mengambil tindakan meneliti peruntukan undang-undang berkenaan dengan

kelayakan cuti sakit yang digariskan di dalam Perintah Pekerjaan 2009 atau Employment Order 2009.

Menurut Yang Berhormat lagi, ia juga bagi mengambil kira kepentingan orang awam atau *public interest*, di mana negara kita sedang menghadapi situasi COVID-19 pada ketika ini.

Katanya, tujuan utama pindaan tersebut adalah pada menjaga kemaslahatan pekerja-pekerja di sektor swasta yang belum mencapai tempoh perkhidmatan sekurang-kurangnya enam bulan dan jika terpaksa, akan menjalani cuti tidak bergaji semasa menjalani perintah kuarantin dan pengasingan diri atas arahan pihak kerajaan bagi tempoh minima selama 14 hari atau lebih, tertakluk kepada rawatan lanjut jika diperlukan, di mana adalah sangat kritis dalam membendung penularan wabak COVID-19 dan menjaga kebaikan individu-individu yang terlibat.

Yang Berhormat seterusnya berkata, tempoh satu bulan yang dicadangkan adalah juga untuk menyeimbangkan kepentingan majikan supaya mana-mana pekerja yang terlibat sekurang-kurangnya menyumbang kepada syarikat, di mana pekerja berkenaan berkhidmat.

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) katanya, memaklumkan bahawa pindaan ini juga mengambil kira pandangan daripada pelbagai pihak yang berkepentingan, termasuk pihak Manpower Planning and Employment Council juga beberapa syarikat swasta yang



**YANG** Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ketika menjelaskan mengenai kelayakan cuti sakit pekerja di sektor swasta pada Sidang Media berkenaan.

turut terjejas dengan penularan wabak COVID-19.

"Dalam beberapa sesi Sidang Media sebelum ini, kita juga mendengar berbagai langkah dukungan yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II yang dihulurkan kepada syarikat-syarikat di sektor swasta dan individu bagi mengimbangi impak daripada COVID-19," ujarnya lagi pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan

## RB sentiasa ambil berat kebijakan warganya

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 1 April. - Langkah bersepada, khususnya daripada segenap lapisan warga Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RB) sendiri adalah diharapkan bagi memastikan RB terus beroperasi meskipun setelah COVID-19 berakhir.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah menjelaskan semasa sesi soal jawab yang diajukan pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Menurut Yang Berhormat lagi, industri penerbangan awam sememangnya berhadapan dengan pelbagai cabaran, termasuk kerugian kewangan sebelum penularan wabak COVID-19 lagi dan RB tidak terkecuali menghadapi situasi semacam.

Seperti yang kita maklum, di negara-negara lain, di mana syarikat-syarikat penerbangan mereka terpaksa memberhentikan kaktangannya, namun RB, terang Yang Berhormat lagi, hanya menyarankan agar



**YANG** Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir di Sidang Media di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

kaktangannya mengambil cuti dengan tidak memotong gaji mereka.

Dalam pada itu, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II terdahulu turut mengongsikan mengenai ciri-ciri aplikasi (New Apps Features) yang baru bagi COVID-19 ini yang akan bermula pada 2 April 2020.

COVID-19 di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Dengan adanya langkah-langkah itu, KHEDN berharap dan menyeru meminta kerjasama setiap majikan untuk terus menjaga kebaikan pekerja masing-masing dengan memberikan alternatif-alternatif lain dalam menangani impak

kepada pekerja masing-masing, contohnya dengan memberikan cuti tahunan secara pendahuluan (*advanced leave*) bagi mereka

yang belum layak mendapat cuti sakit, iaitu bagi mereka yang masih belum terlindung dengan pindaan ini, melaksanakan *flexible working hours*, mencalonkan pekerja untuk menjalani program-program *reskilling* dan *upslling* dan seumpamanya.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai, khasnya para majikan boleh berhubung bersama Jabatan Buruh menerusi talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).

# Jasa, khidmat sukarelawan amat dihargai



SUKARELAWAN belia yang ditubuhkan bagi Operasi Sukarelawan COVID-19 di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) itu beroperasi selama 24 jam dan berpusat di Dewan Darul Imtiyaz Pusat Bahagia, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Pulaie (kiri, atas dan bawah kiri).

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Ak. Mohd. Aminul Adi Azrie Pg. Haji Nikman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 3 April. - Kesukarelawanan kini menjadi satu subjek yang semakin mendapat perhatian kerana impaknya terhadap kehidupan bermasyarakat adalah tinggi. Janganlah memandang dunia sukarelawan ini sebagai sesuatu yang merugikan.

Apa yang penting, kita mestilah sentiasa memperbetulkan niat dan sentiasa bersifat positif dalam menjalankan khidmat bakti kepada sesiapa sahaja yang memerlukan bantuan yang tidak semestinya berbentuk wang ringgit bahkan ia juga boleh berupa tenaga dan idea.

Dalam konteks keadaan dan perkembangan masyarakat kini, sukarelawan dituntut untuk mempunyai sikap, pandangan dan komitmen sosial yang sesuai. Sukarelawan juga harus memiliki pengetahuan dan kemahiran asas tentang kerja sukarela yang ingin diceburinya.

Berikutnya penularan jangkitan wabak COVID-19 di negara ini, sukarelawan belia Brunei tampil bersatu berganding bahu menyumbangkan bakti kepada rakyat dan negara dengan memberikan sokongan kepada

Kementerian Kesihatan apabila diperlukan.

Sukarelawan belia yang ditubuhkan bagi Operasi Sukarelawan COVID-19 di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) itu beroperasi selama 24 jam dan berpusat di Dewan Darul Imtiyaz Pusat Bahagia, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Pulaie.

Khidmat dan jasa sukarelawan hari ini mendapat penghargaan daripada Kementerian Kesihatan yang membantu pihak dan agensi-agensi kerajaan lain mengawal penularan wabak COVID-19 di negara ini. Dedikasi dan komitmen yang telah diberikan daripada segi masa, tenaga bahkan kewangan peribadi merupakan satu pengorbanan besar.

Sukarelawan juga boleh dianggap sebagai *frontliners* kerana mereka berisiko apabila perlu menghadapi pelbagai orang semasa pandemik ini di mana mereka tidak dilengkapi dengan peralatan perlindungan peribadi (PPE) tapi mereka cuba menyediakan penutup mulut (*mask*), sarung tangan (*gloves*) dan *hand sanitizer*.

Kementerian Kesihatan

mengalu-alukan sukarelawan dalam menangani penularan jangkitan wabak COVID-19 di negara ini. Kementerian Kesihatan juga menyeru lebih ramai sukarelawan dapat tampil menyertai pasukan bantuan kesihatan COVID-19.

Sesebuah negara akan tampil menjadi hebat jika golongan belianya memiliki keprihatinan yang tinggi dalam berjuang memikul tanggungjawab bersama demikian mewujudkan kesejahteraan

bangsa, agama dan tanah air di mana mereka dilahirkan. Namun hakikatnya, menjadi sukarelawan bukanlah suatu tugas yang mudah. Suka, rela dan ikhlas, itulah ciri asas sukarelawan di mana mereka perlulah mempunyai komitmen.

Sukarelawan yang dididik, dilatih atau yang mampu memberikan sumbangan kepada pembangunan belia dan masyarakat. Selain memberikan khidmat tanpa mengharapkan balasan / ganjaran material,

seseorang sukarelawan juga mestи mempunyai sesuatu yang hendak disumbangkan atau dikongsi dengan orang seperti tenaga fizikal, kemahiran, pengalaman, pengetahuan dan sebagainya.

Sebahagian besar sukarelawan tidak berpengalaman dengan keadaan kecemasan dan akan cuba memberi bantuan mengikut keupayaan atau kepakaran yang dimiliki oleh belia yang menjadi sukarelawan.



HUBUNGI TALIAN NASIHAT KESIHATAN 148  
WWW.MOH.GOV.BN

# Buku zikir, doa diagihkan kepada orang ramai



**PEMANGKU Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama mengagihkan buku 'Zikir-zikir dan Doa-doa Memohon kepada Allah Supaya Terselamat Daripada Bala dan Segala Jenis Penyakit' kepada pelanggan yang singgah untuk mengisi minyak di Stesen Minyak TAIB, Beribi.**

Siaran Akhbar dan Foto :  
Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BANDAR SERI BEGAWAN,**  
Rabu, 1 April. - Dalam usaha untuk membendung penularan wabak COVID-19, pelbagai cara dan usaha dilakukan antaranya menjaga kebersihan diri, seperti kerap mencuci tangan dan

sebagainya.

Selain itu, dari segi kerohanian, kita juga dianjurkan untuk sentiasa mengamalkan zikir dan doa yang warid.

Sehubungan itu, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU)

melalui Jabatan Hal Ehwal Masjid dengan kerjasama beberapa buah stesen minyak di negara ini mengambil inisiatif untuk mengagihkan buku 'Zikir-zikir dan Doa-doa Memohon kepada Allah Supaya Terselamat Daripada Bala dan Segala Jenis Penyakit' kepada orang ramai, khususnya pelanggan-pelanggan yang singgah untuk mengisi minyak.

Penyerahan buku tersebut berlangsung di Stesen Minyak TAIB, Beribi, yang diagihkan oleh Pemangku Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang.

Manakala di Stesen Minyak Ikatan Teluk Mewah, Mentiri, buku-buku tersebut diagihkan oleh Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

Penyerahan buku ini diagihkan kepada orang awam melalui stesen-stesen minyak di Daerah Brunei dan Muara pada hari ini dan bagi daerah-daerah lain akan dilaratkan penyerahannya pada esok hari.

Semoga dengan adanya usaha seumpama ini dan kerjasama dari semua pihak, wabak COVID-19 ini akan dapat kita tangani dengan segera dan berdoa agar Allah mengurniakan kesembuhan kepada pesakit dan melindungi kita sekali gus terhapus wabak dahsyat tersebut dari bumi ini.

## Buku zikir, doa diagihkan



**PEMANGKU Pengarah Hal Ehwal Masjid mengagihkan buku 'Zikir-Zikir dan Doa-Doa' kepada pelanggan-pelanggan yang singgah ke pandu lalu di Jollibee.**

Oleh : Aimi Sani  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN,**  
Khamis, 2 April. - Dalam usaha untuk membendung penularan wabak COVID-19,

pelbagai cara dan usaha dilakukan antaranya menjaga kebersihan diri, seperti kerap mencuci tangan dan sebagainya.

## Cegah penularan jangkitan COVID-19 dengan amalan cara hidup sihat

Oleh : Hernie Suliana Haji Othman

**TUTONG**, Khamis, 2 April. - Negara Brunei Darussalam berusaha keras dalam menangani penularan jangkitan wabak COVID-19, justeru, pelbagai agensi kerajaan, terutamanya Kementerian Kesihatan menekankan betapa pentingnya untuk semua pihak, termasuk orang ramai untuk sentiasa menjaga kebersihan diri, selain mengekalkan pemakanan dan cara hidup sihat sebagai cara untuk melawan jangkitan dari dalam badan dan mengelakkan daripada jatuh sakit.

Sehubungan itu, Pelita Brunei menemubual melalui aplikasi Whatsapp seorang warganegara yang menjalani pengasingan diri (Self Isolation - SI) di rumah sendiri selama 14 hari untuk mengongsikan pengalaman beliau kekal sihat dan aktif semasa berjauhan dari orang ramai.

Menurut Zulhezan bin Haji Abdullah, setelah habis tempoh SI, beliau menjadi lebih berwaspada dengan rutin penjagaan kebersihan diri, terutama dari segi pencucian tangan dan terus mandi bila tiba di rumah selepas keluar ke tempat awam.

Dari segi pemakanan semasa SI, sebagai tambahan kepada makanan yang dibekalkan oleh pihak kerajaan, beliau juga seboleh-bolehnya memasak sendiri dengan menu berdasarkan sayur untuk menambah vitamin yang diperlukan untuk tubuh badan dan mula mengadaptasi masakan SOS-free (bebas garam, minyak dan gula) yang dikekalkan sehingga kini.

Untuk mengelakkan rasa malas semasa SI, beliau juga menyarankan untuk melakukan pergerakan senaman yang boleh dilakukan di dalam rumah untuk mengekalkan kesihatan jasmani, seperti senaman regangan (*stretching*) dan senaman tabata, juga mengurangkan makanan berminyak dan bergula.

Beliau mengambil serius nasihat dan saranan Kementerian Kesihatan dalam menjalani SI dan berharap orang ramai akan terus mengambil langkah-langkah kewaspadaan serta tidak leka dan lalai dengan amalan-amalan kebersihan diri dan penjarakan sosial atau fizikal (*social or physical distancing*), sebagaimana yang dinasihatkan.



dan doa tersebut juga akan diagihkan kepada sektor kerajaan dan sektor swasta di negara ini.

Orang ramai bolehlah mendapatkan buku tersebut berbentuk format PDF dengan mengimbas kod QR dengan melayari laman sesawang [www.kheu.gov.bn](http://www.kheu.gov.bn).

Semoga dengan adanya usaha

seumpama ini dan kerjasama daripada semua pihak, jangkitan wabak COVID-19 ini akan dapat kita tangani dengan segera dan berdoa agar Allah mengurniakan kesembuhan kepada para pesakit serta melindungi kita semua, sekali gus terhapus wabak dahsyat tersebut dari bumi ini.

# AMBD terbitkan Indeks Harga Hartanah Kediaman bagi suku keempat 2019



Siaran Akhbar dan Infografik :  
Autoriti Monetari Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 2 April. - Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) telah menerbitkan Indeks Harga Hartanah Kediaman atau Residential Property Price Index (RPPI) Negara Brunei

Darussalam bagi suku keempat 2019.

Indeks ini dihasilkan dengan data-data yang diperoleh daripada bank-bank di Negara Brunei Darussalam dan diterbitkan dengan kerjasama pihak

Kementerian Pembangunan, khususnya Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCi).

Pada suku keempat tahun 2019, RPPI menunjukkan peningkatan sebanyak 9.8 peratus tahun-ke-tahun kepada 95.3 berbanding dengan suku keempat tahun 2018, dan penurunan sebanyak 0.2 peratus berbanding dengan suku ketiga tahun 2019.

Berdasarkan data pinjaman bagi pembelian hartaanah kediaman yang diperoleh daripada bank-bank, sebanyak 111 transaksi pembelian hartaanah kediaman dicatatkan pada suku keempat tahun 2019. Kebanyakannya daripada transaksi tersebut adalah bagi pembelian rumah *detached* (45.05 peratus), diikuti oleh rumah berkembar atau *semi-detached* (24.32 peratus), rumah teres (18.92 peratus) dan pangaspuri (11.71 peratus). Tiada transaksi untuk tanah bagi suku keempat 2019.

Harga median bagi pembelian kesemua jenis hartaanah kediaman pada tempoh suku keempat tahun 2019 adalah BND258,000. Harga median bagi pembelian rumah *detached* adalah BND285,000, bagi rumah berkembar atau *semi-detached* adalah BND271,000, bagi rumah teres adalah BND225,000 dan bagi pangaspuri adalah BND223,000.


Harga median secara keseluruhan bagi pembelian hartaanah kediaman pada tempoh

suku keempat tahun 2019 adalah lebih tinggi berbanding dengan suku keempat tahun 2018 di mana peningkatan sebanyak 2.4 peratus dicatatkan. Jika dibandingkan dengan suku ketiga 2019, harga median bagi pembelian hartaanah kediaman bagi suku keempat telah menurun sebanyak 0.8 peratus.

AMBD ingin memaklumkan bahawa indeks dan statistik yang diterbitkan adalah untuk maklumat umum sahaja. Orang ramai adalah dinasihatkan untuk tidak hanya bergantung kepada indeks dan statistik ini dalam menilai mana-mana hartaanah kerana harga hartaanah kediaman adalah berbeza tertakluk kepada, antara lain, lokasi, saiz tanah dan keluasan lantai.

Bagi maklumat lanjut, nota teknikal dan data terkini boleh didapati di Laman Sesawang AMBD [www.ambd.gov.bn](http://www.ambd.gov.bn). Maklumat terkini mengenai RPPI juga akan dikeluarkan dari masa ke masa melalui akaun Instagram AMBD @autoriti\_monetari.

Tempoh	Indeks (Q1 2015 = 100)	Perubahan (%)	
		Dari Q4 2018	Dari Q3 2019
Q4 2019	95.3	9.8%	-0.2%



PERKHIDMATAN penghantaran ubat-ubatan melalui Go-Rush dengan kerjasama Kementerian Kesihatan.

Siaran Akhbar dan Foto : Go-Rush

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 2 April. - Go-Rush, dengan kerjasama Kementerian Kesihatan telah melancarkan Perkhidmatan Penghantaran Farmasi di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) yang bermula pada bulan Februari

2019.

Berikut penularan jangkitan wabak COVID-19 yang melanda Negara Brunei Darussalam, orang ramai adalah disarankan untuk tidak keluar ke tempat awam dan sentiasa berada di dalam rumah jika tidak ada perkara-perkara

penting malah penghantaran ubat-ubatan akan dihantar ke pintu rumah awda. Perkara ini akan meminimumkan keperluan orang ramai untuk berada di ruang awam dan juga mengurangkan tekanan suasana hospital, khususnya ketika penularan jangkitan wabak COVID-19 ini. Kepada mereka yang ingin mendaftar untuk perkhidmatan Go-Rush ini, awda boleh log masuk dengan memasuki laman sesawang [www.gorushbn.com](http://www.gorushbn.com) untuk mendaftar.

Kesemua ubat-ubatan akan dihantar melalui perkhidmatan ini kecuali ubat-ubatan dan psikotropik yang terkawal. Terdapat dua jenis perkhidmatan penghantaran yang ditawarkan, iaitu Standard (penghantaran dua ke tiga hari) dan Express (penghantaran pada hari yang sama).

Perkhidmatan penghantaran boleh dibuat di Daerah Brunei dan Muara (DBM), Tutong dan Belait

juga tidak termasuk di kawasan-kawasan terpencil. Kesemua pemandu perkhidmatan penghantaran dan seluruh pasukan Go-Rush adalah dalam kalangan penduduk tempatan dan sentiasa bekerja keras untuk menyediakan pilihan penghantaran supaya orang ramai tidak perlu melakukan perjalanan yang tidak diperlukan.

Caj standard adalah pada kadar rata BND3 untuk setiap penghantaran di Daerah Brunei dan Muara (DBM) dan BND7 untuk luar daerah. Bagi penghantaran ekspres, hanya tersedia untuk DBM sahaja dengan kadar bayaran BND5.

Ubat-ubatan yang dibungkus oleh Jabatan Farmasi akan disimpan dalam beg yang tidak mudah bocor, terjamin dan selamat. Pihak yang berminat boleh menghubungi talian Hotline Go-Rush di +673 8752065 atau e-mel [hello@gorushbn.com](mailto:hello@gorushbn.com) untuk pertanyaan lebih lanjut.

Untuk maklumat lebih lanjut tentang Go-Rush, awda boleh ikuti perkembangan Go-Rush di platform media sosial seperti di Instagram @gorush.bn dan Facebook @go.rush.bwn.

Berikut adalah langkah-langkah untuk mendaftar untuk Perkhidmatan Penghantaran Farmasi Go-Rush :

1. Log masuk di laman sesawang [www.gorushbn.com](http://www.gorushbn.com).
2. Berdaftar dengan nama, nomor IC, nomor BruHIMS, nomor talian dan alamat penghantaran.
3. Online bank transfer melalui dalam talian adalah pilihan berbanding wang tunai penghantaran (COD).

4. Jabatan Farmasi akan menyemak dan meneliti perkhidmatan penghantaran.

5. Jabatan Farmasi akan membungkus ubat-ubatan dalam beg yang terjamin dan selamat.

6. Go-Rush akan mengumpul ubat dan menghubungi pelanggan untuk proses penghantaran.

## Go-Rush tawar perkhidmatan penghantaran ubat-ubatan

# Jumlah penduduk Negara Brunei Darussalam meningkat 3.9 peratus

Siaran Akbar dan Infografik : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 2 April. - Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) mengeluarkan Laporan Anggaran Penduduk Pertengahan Tahun 2019 yang memberikan anggaran jumlah penduduk dan ciri-ciri utama demografi penduduk Negara Brunei Darussalam pada pertengahan tahun 2019.

Pengiraan anggaran ini adalah berdasarkan data muktamad Kemaskini Banci Penduduk dan Perumahan (KBPP) 2016 dan

mengambil kira komponen utama perubahan penduduk, iaitu kelahiran dan kematian bagi kenaikan semula jadi (*natural increase*) dan penghijrahan bersih (*net migration*).

Bagi anggaran untuk tahun 2019, pengiraan bagi penghijrahan bersih (*net migration*) telah dibuat dengan menggunakan data pentadbiran yang bersesuaian daripada Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan

Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan.

Penemuan-penemuan utama bagi Anggaran Penduduk Pertengahan Tahun 2019 adalah seperti berikut :

Anggaran jumlah penduduk pertengahan tahun 2019 bagi Negara Brunei Darussalam adalah seramai 459,500 orang berbanding 442,400 orang pada tahun 2018, iaitu pertumbuhan sebanyak 3.9 peratus. Jumlah penduduk ini terdiri daripada 244,500 orang lelaki (53.2 peratus) dan 215,000 orang perempuan (46.8 peratus). Nisbah jantina adalah seramai 114 orang lelaki bagi setiap 100 orang perempuan.

Daripada jumlah penduduk pada tahun 2019, Rakyat Brunei merupakan bahagian terbesar sebanyak 72.2 peratus (331,800 orang), sementara agihan Penduduk Tetap dan Penduduk Sementara adalah masing-masing sebanyak 7.3 peratus (33,500 orang) dan 20.5 peratus (94,200 orang).



Daerah Brunei dan Muara mempunyai penduduk yang paling ramai sebanyak 69.5 peratus (319,500 orang) daripada jumlah penduduk. Ini diikuti oleh Daerah Belait (16.5 peratus atau 75,900 orang), Daerah Tutong (11.5 peratus atau 52,700 orang) dan Daerah Temburong (2.5 peratus atau 11,400 orang).

Daripada aspek taburan umur, kira-kira 20.6 peratus (94,600 orang) daripada jumlah penduduk adalah berumur di bawah 15 tahun, 74.6 peratus (342,700 orang) adalah penduduk dalam kumpulan umur bekerja 15-64 tahun dan 4.8 peratus (22,200


orang) adalah penduduk yang berumur 65 tahun dan ke atas. Umur penengah (*median*) pada tahun 2019 adalah 30.6 tahun berbanding 30.4 tahun pada tahun 2018.

Bangsa Melayu merupakan komuniti terbesar di negara ini pada kadar 65.8 peratus (302,200 orang) daripada jumlah penduduk. Bangsa Cina dan lain-lain bangsa masing-masing merangkumi daripada 10.3 peratus (47,200 orang) dan 24.0 peratus (110,100 orang) daripada jumlah penduduk.

Laporan Anggaran Penduduk Pertengahan Tahun 2019 boleh didapati melalui Laman Sesawang JPES. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini bolehlah dirujuk ke JPES dengan menghubungi talian +673 2230250 atau +673 2230265 (pada waktu bekerja sahaja) atau melayari laman sesawang [www.deps.gov.bn](http://www.deps.gov.bn) dan alamat e-mel di [info.statistics@jpss.gov.bn](mailto:info.statistics@jpss.gov.bn).



## Sentiasa peka situasi penularan COVID-19



APLIKASI COVID-19 Self-Assessment Tool yang boleh didapati melalui aplikasi web [healthinfo.gov.bn](http://healthinfo.gov.bn).

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 2 April. - Platform yang berasaskan *artificial intelligence* yang dilancarkan oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi dengan kerjasama Kementerian Kesihatan baru-baru ini membolehkan orang ramai mendapatkan sumber maklumat yang tepat berkeraan dengan situasi terkini penularan jangkitan wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam serta di seluruh dunia.

Orang ramai juga disarankan untuk menggunakan aplikasi COVID-19 Self-Assessment Tool yang boleh didapati di aplikasi web [healthinfo.gov.bn](http://healthinfo.gov.bn) berkeraan bagi membuat penilaian sendiri terhadap status kesihatan masing-masing jika mereka menghidap simptom-simptom jangkitan wabak COVID-19.

Di samping itu, ia membolehkan Kementerian Kesihatan memantau serta menilai keadaan COVID-19 di negara ini, di samping membantu dalam membuat perancangan dalam menangani situasi jangkitan wabak berkeraan. Ciri-ciri baharu juga akan dimasukkan ke dalam platform tersebut bagi menjadikannya lebih komprehensif.

Orang ramai digalakkan untuk terus merujuk kepada aplikasi web ini bagi sama-sama membantu pihak kerajaan dalam usaha membendung jangkitan-jangkitan yang berkaitan dengannya.



## Media Massa berperanan penting dalam kehidupan masyarakat

**P**ERANAN dan fungsi media massa begitu penting dalam perkembangan komunikasi masyarakat. Media massa mengacu pada teknologi yang digunakan sebagai saluran untuk masyarakat berkomunikasi dengan lebih ramai orang. Bahkan fungsi media massa memasuki berbagai-bagai aspek kehidupan masyarakat. Media massa adalah bentuk transportasi komunikasi massa, yang dapat didefinisikan sebagai penyebaran pesan secara meluas, cepat dan terus-menerus kepada audiens yang beragam dalam usaha untuk mempengaruhi mereka dengan beberapa cara.

Jelas di mana peranan dan fungsi media massa kini tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan masyarakat. Bentuk media massa pun kian berkembang yang menjadi keperluan penting dalam komunikasi manusia namun sejauh manakah baik dan buruknya media massa ini? Apa Pendapat Biskita cuba mendapatkan beberapa pendapat mengenainya.

"Pada pandangan saya, amat penting untuk memahami peranan dan fungsi media massa agar masyarakat mengetahui isi baik dan buruknya media ini. Penyebaran informasi adalah fungsi utama media massa kerana informasi adalah pengetahuan dan pengetahuan adalah kekuatan, media menawarkan fakta dan pendapat yang autentik. Informasi ini tepat waktu dan berisi berbagai-bagai peristiwa dan situasi yang penting untuk dibagi kepada khalayak ramai sebagai item informatif."

Informasi yang diberikan oleh media massa berupa pendapat dan fungsi informatif. Media massa juga membuat audiensi mengetahui tentang kejadian dan kebenaran di sekitar mereka. Media menyebarkan informasi sebahagian besar melalui siaran berita di radio, televisyen serta surat kabar atau majalah. Kini media kian berkembang dengan adanya media *online*. Media massa yang terdiri daripada media elektronik dan media cetak juga memainkan peranan yang amat penting dalam pembangunan sebuah negara. Media massa menyalurkan pelbagai maklumat yang dapat mempengaruhi masyarakat pembaca.

Tanpa adanya media, rakyat sebuah negara tidak mendapat sebarang pengetahuan terutama tentang isu global dan kehidupan mereka umpama 'katak di bawah tempurung'. Negara kini sedang berusaha menjayakan projek multimedia dengan serius untuk melahirkan masyarakat yang bermaklumat. Soalnya, apakah peranan media massa dalam pembangunan negara.

Satu daripada peranan media massa ialah sebagai sumber maklumat yang amat penting kepada masyarakat. Media massa boleh dijadikan alat yang berpengaruh dalam bidang pendidikan, penyebaran ilmu pengetahuan dan maklumat berkaitan ekonomi dan sukan serta dapat membantu proses minat membaca. Melalui media, orang ramai memperoleh pengetahuan dan maklumat mengenai apa-apa jua yang berlaku di dalam dan di luar negara.

Cuma apa yang kita perlukan agar penggunaan media massa dipergunakan dengan sebaik-baiknya terutama di dalam menyebarkan berita-berita atau isu-isu terkini agar ia tidak disalahertikan oleh masyarakat". - Abu Hanafiah HS, Serasa.

"Media massa pada pendapat saya, berperanan sebagai ejen pembangunan dan perpaduan negara. Melalui media massa, pengetahuan asas budaya, bahasa dan adat resam pelbagai etnik dapat disebarluaskan. Sebagai contoh, melalui aktiviti kebudayaan seperti tarian, lagu dan cara hidup sama ada masyarakat tempatan atau masyarakat asing, seseorang itu dapat menyelami dan memahami unsur kebudayaan sesuatu kaum.

Secara tidak langsung, media massa terutamanya media cetak dapat menyemai semangat perpaduan dalam jiwa masyarakat berbilang kaum. Semangat bersatu padu dan saling hormat-menghormati dapat mewujudkan keharmonian masyarakat. Apabila semangat perpaduan dapat disemarakkan sudah pasti akan membantu proses pembangunan negara supaya berjalan dengan lancar.

Di samping itu, media massa turut berperanan sebagai alat yang menghubungkan kerajaan dengan rakyat. Hubungan yang baik antara pemerintah dengan rakyatnya perlu diwujudkan untuk pembangunan. Melalui media massa, rakyat boleh memberikan reaksi dengan mengemukakan pandangan mereka. Dengan wujudnya pertukaran maklumat ini, peranan antara kerajaan dengan rakyat akan lebih berkesan. Seterusnya, media massa turut berperanan membantu sebuah syarikat berkembang dengan pesat dan pesat.

Hal ini demikian kerana media dapat mengiklankan sesuatu produk yang dikeluarkan oleh sebuah syarikat dan memperkenalkan barangan dalam pasaran yang dapat melaikan jualan. Dalam era globalisasi ini, terdapat perniagaan yang dijalankan melalui internet iaitu salah satu bentuk media. Produk sebuah syarikat akan dapat menembusi pasaran global dan sudah pasti syarikat dapat berkembang dengan pesat dan memberikan sumbangan kepada proses pembangunan negara.

Baik atau buruknya media massa tersebut tergantung kepada pengguna dan penyebar berita tersebut. Namun, adalah perlu bagi kita untuk lebih prihatin terhadap penyebaran maklumat dalam media massa agar tidak mencetuskan mana-mana perkara yang tidak diingini dan boleh menggugat ketenteraman rakyat dan negara". - Hajah Norhalifah binti Haji Majid, Bebatik.

"Media massa berperanan sebagai sumber hiburan. Menerusi media cetak, ruangan berunsurkan hiburan seperti kartun, berita sukan, cerpen, berita tentang artis dan sebagainya dapat menghiburkan masyarakat. Rancangan hiburan dan muzik yang disiarkan menerusi radio dan televisyen juga boleh mengurangkan ketegangan.

Menerusi multimedia seperti komputer dan internet, kanak-kanak dapat bermain permainan komputer sambil mendengar muzik. Sumber-sumber tersebut dapat menenangkan fiziran dan mengurangkan tekanan di samping memberikan hiburan. Media massa sememangnya memainkan peranan penting dalam proses pembangunan negara. Oleh itu, media seharusnya diberi kebebasan dalam melaksanakan fungsinya secara objektif dan telus.

Dengan kebebasan ini diharapkan tiada pihak yang mengambil kesempatan pada keistimewaan yang dimiliki oleh media untuk dijadikan alat propaganda bagi mempengaruhi sesuatu pihak yang lain. Tegasnya, media massa berperanan membantu sebuah masyarakat untuk mencapai kemajuan". - Haji Mohd. Saufi Bazillah bin Mohd. Razi, BSB.

Bagi saya selaku penulis ruangan ini, media massa sememangnya banyak mempengaruhi kehidupan kita setiap hari. Secara umumnya, media massa boleh terbahagi kepada dua iaitu media elektronik yang terdiri daripada televisyen, radio dan internet serta media cetak yang terdiri daripada akhbar, majalah dan bahan-bahan bercetak yang lain. Sebenarnya terdapat beberapa kebaikan media massa kepada masyarakat dan negara.

Sesungguhnya, peranan media massa dalam mempengaruhi minda masyarakat memang tidak dapat disangkal lagi. Media massa sememangnya banyak memberi faedah kepada masyarakat. Di negara kita, media massa banyak memainkan peranan dalam menyampaikan maklumat berguna kepada setiap lapisan masyarakat.

Namun demikian, pihak berkuasa mesti terus memantau perkembangan media massa agar tidak mendatangkan kesan yang negatif kepada masyarakat dan negara. Media massa yang cuba merosakkan keharmonian hidup rakyat perlu diambil tindakan yang tegar.

**Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.**


Sila e-melkan pendapat biskita ke :  
[pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

- i. Kebaikan dan Keburukan E-Learning Dari Rumah
- ii. Kesan Pengambilan Makanan Tambahan Kepada Masyarakat

# Sahut usaha kerajaan dalam penjarakan sosial



**SISTEM penjarakan sosial pengambilan Home Pack Learning (HPL) bagi para ibu bapa, di mana pick-up & drop-off HPL dilaksanakan di kawasan Drive-Thru di Sekolah Rendah Perpindahan Lambak Kanan Jalan 10 (atas dan bawah).**



Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Ihsan Sekolah Rendah Perpindahan Lambak Kanan Jalan 10 (SR PLK JALAN 10)

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 2 April. - Walaupun negara kini dilanda jangkitan wabak COVID-19, namun musim persekolahan penggal kedua perlu diteruskan, akan tetapi kebanyakan institusi pengajian tinggi, sekolah-sekolah menengah dan rendah kerajaan dan bukan kerajaan kini menumpukan dalam pembelajaran secara *online* (dalam talian), di mana pihak-pihak



#### TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Hayati Perjalanan Israk dan Mikraj Rasulullah'. Tarikh Tutup : 8 April 2020
2. 'Memupuk Semangat Kesukarelawanan'. Tarikh Tutup : 15 April 2020
3. 'Sedekah Pembuka Pintu Rezeki'. Tarikh Tutup : 22 April 2020

#### TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditarik jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

#### SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

[pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Menangi  
**BND75**  
SETIAP MINGGU

sekolah dan pengajian tinggi menyediakan kemudahan Sistem Home Pack Learning (HPL) kepada murid-murid dan para pelajar peringkat tertentu.

Sekolah Rendah Perpindahan Lambak Kanan Jalan 10 (SR PLK JALAN 10) juga tidak ketinggalan dalam menyahut usaha-usaha kerajaan, antaranya dengan memberikan kemudahan HPL kepada murid-murid sekolah berkenaan dari Pra sehingga Tahun 6.

Dalam tinjauan Pelita Brunei ke sekolah berkenaan amat tertarik dengan sistem penjarakan sosial pengambilan HPL bagi para ibu bapa, di mana *pick-up & drop-off* HPL dilaksanakan di kawasan Drive-Thru yang dijalankan di sekolah berkenaan dan para ibu bapa akan diperiksa terlebih dahulu suhu panas sebelum dibenarkan memasuki perkangan sekolah dan disaran untuk menggunakan *hand sanitizer* terlebih dahulu.

Para kakitangan yang bertugas pula akan membantu para ibu bapa untuk mempercepatkan urusan mereka menyerahkan kerja rumah anak-anak mereka semasa cuti persekolahan yang lalu ke dalam petak-petak yang disediakan mengikut kelas masing-masing dan mengambil HPL bagi pembelajaran minggu ini.

Penjarakan sosial ini amat ditekankan oleh pihak sekolah dalam menyahut usaha kerajaan untuk membendung penularan jangkitan wabak COVID-19 juga sebagai langkah berjaga-jaga, dan alhamdulillah rata-rata para ibu bapa yang hadir berasa amat selesa dalam memberikan kerjasama mereka dan mematuhi arahan-arahan tatacara pengambilan HPL dengan baik.

Apa yang menarik juga terdapat dalam sesetengah HPL murid-murid itu memo dan nota daripada guru-guru mereka yang mengingatkan murid-murid agar sentiasa mematuhi garis panduan pencegahan jangkitan wabak COVID-19 dan untuk sentiasa menjaga kebersihan diri di rumah dari semasa ke semasa.

# COVID-19 : JBBSB ambil langkah amalkan penjarakan sosial



Berita dan Foto : Ak. Syiaruddin Pg. Dauddin

**GADONG**, Khamis, 2 April. - Dalam usaha untuk mencegah dan membendung penularan jangkitan wabak COVID-19 di negara ini, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan (JBBSB) turut mengambil langkah-langkah keselamatan selaras dengan nasihat Kementerian Kesihatan, iaitu mengamalkan penjarakan sosial (*social distancing*).

JBBSB dalam hal tersebut telah pun melakukan beberapa inisiatif iaitu dengan melekatkan beberapa poster penjarakan sosial di Pasar Gadong dan Tamu Kianggeh dalam usahanya untuk menyeru

# PUISI

## Corona

2020 tirai duka lara dunia bermula  
Wabak Coronavirus petaka  
Di manakah puncanya?  
Tuduh menuduh hangat berbicara  
Dari negara-negara berkuasa besar datangnya  
Jika ini gara-gara manusia cipta  
Untuk menguasai ekonomi dunia  
Alangkah hinanya lakuannya.

Bermulalah kisah sedih di nusantara  
Ada membawa virus bersama mereka  
Akhirnya terjangkit beribu jiwa  
Pulang mereka di negaranya  
Bersama virus memati tiada ubatnya  
Ramai mangsa terjangkitnya.

Bila buka sejarah lama  
1551 Nostradamus meramal saja  
Tahun kembar 2020 corona akan menjelma  
Ekonomi dunia hancur lebur merata  
Manusia dalam gelisah gulana  
Ramai yang sakit dan mati menderita.

Brunei bermula kisahnya  
1362 Awang Alak Betatar menghancur Kerajaan Tugau, Bisaya  
'Black Death' menjelajah Viet Nam, Thailand dan China  
Menimpa Poni masa yang sama.

April 1578, Perang Kastila  
Kolera datang melawati kita  
Sepanyol tiada sanggup, kejangan jua  
Cuba menjajah 72 hari saja.

Zaman Sultan Muhammad Kanzul Alam memerintah negeri  
1822 wabak penyakit datang lagi  
Mengorbankan 100 orang setiap hari  
Allahuakbar, sungguh banyak yang mati  
1904 tragedi berulang semula  
Cacar singgah ke negara kita  
60 jiwa mati setiap hari menjadi mangsa  
Kehilangan yang menyediakan jelata  
Negara semakin hilang kuasa.

Tahun 1963, kenanganku menjelma  
Negaraku dilanda kolera  
Rakyat dalam ketakutan dan derita  
Hanya tinggal dalam rumah saja  
Tidak dapat pergi ke mana-mana  
Alangkah deritanya kita semua.

Tragedi sejarah demi tragedi sama  
Telah menimpa negara kita  
Ingatlah semua!  
Mungkin ada hikmah sebaliknya  
Allah sedang menguji kita  
Bersabarlah dan berdoa kepada Allah Azza Wajala  
Taat dan patuhlah perintah raja mulia  
Semoga virus corona yang menimpa kita  
Diangkat oleh Allah ke tempat asalnya.

Oleh :  
**Pengiran Dr. Mohd. Yakub**  
Beribi  
22/3/2020

## NASIONAL

# Integrasi teknologi dalam pembelajaran, pengajaran

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 2 April. - Seluruh institusi pendidikan di negara ini, termasuk sekolah-sekolah menengah dan rendah masih lagi ditutup sehingga kini yang bermula sejak 11 Mac yang lalu disebabkan oleh berlakunya penularan jangkitan wabak COVID-19 di negara ini.

Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan menyedari kepentingan dalam memastikan momentum pembelajaran para pelajar perlu diteruskan walaupun berada di rumah masing-masing. Antara inisiatif yang dilakukan oleh Kementerian Pendidikan ialah dengan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian (*online*).

Inisiatif ini adalah bagi memastikan kesihatan dan keselamatan pelajar-pelajar sentiasa terjaga serta terhindar daripada sebarang jangkitan, di mana pelajar-pelajar dikehendaki untuk terus berada di rumah dan mengikuti pembelajaran secara dalam talian melalui pelbagai landasan mengikut kapasiti sekolah masing-masing sama ada melalui Aplikasi Zoom Meeting, Google Classroom, WhatsApp dan apa jua jenis platform media sosial atau sebarang aplikasi telekomunikasi yang bersesuaian.

Para pelajar diminta memuat turun satu aplikasi dalam talian oleh guru masing-masing untuk sesi pembelajaran, selain diberikan beberapa latihan yang perlu disiapkan dalam tempoh masa yang diberikan.

Sebelum cuti persekolahan, para pelajar sudah diberikan latihan kerja sekolah oleh guru-guru mereka, manakala tambahan kerja sekolah diberikan melalui aplikasi berkenaan untuk semua subjek mata pelajaran.

Dalam masa yang sama, mereka juga diberikan soalan dan kuiz berbentuk model peperiksaan bagi membolehkan mereka meneruskan pelajaran dalam tempoh sekarang.



PELAJAR-pelajar memuat turun aplikasi pembelajaran yang diberikan oleh guru-guru melalui media sosial di rumah masing-masing (atas dan bawah).



Berita dan Foto : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Selain itu, kadang-kadang para pelajar akan bertanyakan kepada guru dengan mengemukakan soalan yang tidak difahami mengenai kerja sekolah melalui Aplikasi WhatsApp.

Langkah diambil setiap guru sekolah amat bagus kerana membolehkan murid terus belajar, khususnya dalam keadaan situasi pada ketika ini. Namun tidak juga dinafikan, terdapat sebilangan ibu bapa bimbang akan pembelajaran anak-anak mereka di rumah terganggu seperti hilang fokus.

Perkara itu disebabkan, anak-anak mudah terdedah dengan

tarikan, seperti televisyen dan lain-lain yang mungkin akan menjelaskan lagi fokus mereka untuk belajar.

Ada juga guru menggunakan teknik pengajaran dengan memuat naik video dari sumber YouTube berkaitan bab yang dipelajari. Selain itu, guru juga memuat naik latihan yang perlu diselesaikan dalam tempoh seminggu.

Sekiranya ada pelajar yang kurang jelas dengan soalan diberikan, mereka boleh bertanyakan kepada guru di ruangan komen yang boleh dibaca semua pelajar.

# Diperdayai cuba menjalankan aktiviti jenayah

Siaran Akhbar : Pasukan Polis Diraja Brunei

**BRUNEI MUARA**, Khamis, 2 April. - Dua kejadian berasingan diperdayai cuba untuk menjalankan aktiviti jenayah berhasil dipatahkan oleh Keanggotaan Unit Pasukan Simpanan Polis C Kompeni, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) di kawasan Kampung Junjongan, Brunei Muara dan kawasan Pantai Sungai Tujooh, Kuala Belait.

Dalam insiden pertama yang berlaku pada 31 Mac 2020 sekitar jam 5.00 petang, dua orang lelaki warga tempatan dan penduduk tetap ditahan oleh anggota Unit Operasi Khas, Pasukan Simpanan Polis C Kompeni di kawasan Kampung Junjongan kerana disyaki cuba untuk menjalankan aktiviti jenayah.

Perkara ini terbongkar apabila

pihak polis menemukan kesan tapak kaki yang mencurigakan di kawasan berkenaan lalu siasatan dijalankan dengan menjelajah kesan tersebut sehingga berhasil menemukan kedua orang suspek berkenaan di tempat persembunyian mereka.

Suspek pertama bernama Mohamad Rafaie bin Jusni, berumur 27 tahun, manakala suspek kedua bernama Jusni bin Haji Ahad, berumur 56 tahun. Kedua-dua suspek kemudian dibawa ke Balai Polis Limau Manis bagi siasatan lanjut.

Dalam insiden kedua berlaku pada 31 Mac 2020 sekitar jam 6.00 petang, semasa Keanggotaan Unit Pasukan Simpanan Polis C Kompeni menjalankan rondaan, mereka berhasil menemukan serta

menahan dua orang lelaki warga Bangladesh yang mencurigakan diperdayai cuba untuk keluar dari Negara Brunei Darussalam melalui kawasan Pantai Sungai Tujooh, Kuala Belait.

Suspek pertama bernama Md. Shohid Khan, berumur 32 tahun dan suspek kedua bernama Juyel Vhuiyan, berumur 29 tahun. Kedua-dua suspek diserahkan ke Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) bagi siasatan dan tindakan lanjut.

PPDB menyeru orang awam agar terus mengongsikan sebarang maklumat berkenaan apa jua kegiatan yang menyalahi undang-undang di persekitaran awda dengan menghubungi Talian Kecemasan Polis 993, atau melalui e-mel ke Laman Sesawang PPDB, iaitu [www.police.gov.bn](http://www.police.gov.bn), dan Instagram @upa.ppdb atau, melaporkan terus ke Balai-balai Polis yang berdekatan.

# E-Buku sediakan pelbagai bahan bacaan digital

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad  
 Foto : Ihsan Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 1 April. - Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) menyediakan beberapa medium dalam memberikan peluang kepada orang ramai untuk terus membaca, lebih-lebih lagi pada keadaan masa kini dalam usaha kita mengekang penularan wabak COVID-19, agar rakyat dan penduduk di negara ini sentiasa dalam keadaan sihat dan sejahtera.

Meskipun perpustakaan-perpustakaan ditutup buat sementara saat negara dilanda wabak COVID-19, namun itu bukanlah penghalang untuk orang ramai menggunakan perkhidmatan yang telah disediakan.

Malah pihak perpustakaan akan sentiasa bersedia untuk membantu orang ramai dalam pencarian maklumat, sebagai pusat rujukan dan sebagainya, antaranya melalui kaedah Sistem E-Buku.

**Layari portal [www.ekadaibrunei.bn](http://www.ekadaibrunei.bn) bagi pasaran dalam talian**

Siaran Akhbar : Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 1 April. - Pihak Berkusa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) dan Darussalam Enterprise (DARE) melancarkan portal [www.ekadaibrunei.bn](http://www.ekadaibrunei.bn), iaitu sebuah portal direktori dalam talian yang menyediakan pautan laman sesawang ke platform-platform 'eDagang', penyedia-penyedia perkhidmatan penghantaran dan logistik, serta laman sesawang rasmi Satu Kampung Satu Produk (1K1P).

Portal ini bertujuan untuk memberi kemudahan kepada orang ramai untuk membeli pelbagai keperluan secara dalam talian. Portal ini juga membolehkan pengusaha Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) untuk memilih platform 'eDagang' yang dapat menempatkan produk dan perkhidmatan mereka dalam talian sebagai saluran alternatif untuk para pelanggan.

Projek ini diumumkan kepada orang ramai pada Sidang Media pada Sabtu, 3 Rejab 1441H bersamaan 28 Mac 2020M oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah yang merupakan usaha sama di antara Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, AITI dan DARE. Matlamat projek ini adalah untuk memudahkan cara peralihan peniaga ke platform 'eDagang' dan perkhidmatan penyedia penghantaran bagi memudahkan pembelian dalam talian kepada orang ramai.

Pada masa ini, beberapa buah platform 'eDagang' tempatan yang dapat menampung jumlah pendaftaran vendor yang tinggi dikenal pasti. Platform-platform tersebut, seperti Heydomo, GoMamam, KadaiRuncit dan Weelago, yang mempunyai kaedah pembayaran dalam talian dan perkhidmatan penghantaran. Beberapa penyedia perkhidmatan penghantaran dan logistik, seperti Jabatan Perkhidmatan Pos, GoRush, Brunei Delivery Services dan Dart juga dikenal pasti sebagai perkhidmatan yang dapat memenuhi permintaan pengguna yang semakin meningkat.

Pengusaha PMKS adalah digalakkan untuk menggunakan platform-platform 'eDagang' ini. Ke arah itu, mereka perlulah meneliti platform-platform tersebut sebelum menentukan kesesuaian dengan perniagaan masing-masing. Untuk sokongan perniagaan lanjut, para pengusaha PMKS boleh menghubungi pihak DARE untuk membincangkan dan berkongsi keperluan mereka.

Pihak AITI dan DARE juga ingin menjemput penyedia-penyedia platform 'eDagang' dan perkhidmatan penghantaran lain yang mempunyai skalibiliti dan keupayaan yang dikehendaki untuk memenuhi keperluan PKMS untuk mendaftar di portal ini.

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi AITI menerusi talian +673 2323232 atau [ekadaiBrunei@aiti.gov.bn](mailto:ekadaiBrunei@aiti.gov.bn) dan DARE Helpdesk, melalui talian +673 8363442 / +673 2384830 atau [info@dare.gov.bn](mailto:info@dare.gov.bn).

perpustakaan setakat ini.

Para ahli yang berdaftar bolehlah melayari portal rasmi Perpustakaan Brunei di laman sesawang, iaitu [www.librarybrunei.gov.bn/library/library/dbp](http://www.librarybrunei.gov.bn/library/library/dbp), kemudian tekan E-BUKU dan seterusnya tekan PROQUEST: EBOOK CENTRAL

dan isi nombor kad pengenalan awda sebagai nama pengguna dan isikan kata laluan yang diberikan.

Selain itu, orang ramai juga boleh ikut juga dalam beberapa kegiatan yang lazim dikendalikan oleh pihak Perpustakaan DBP menerusi laman sesawang atau pun media sosial.

Pihak Perpustakaan DBP juga menyarankan agar orang ramai untuk menggunakan masa yang terluang ke arah meningkatkan lagi diri dari segi pengetahuan dan kemahiran juga memperbaiki diri, selain mengelak daripada berasa tertekan jika terpaksa menjalani pengasingan diri atau kuarantin.

The screenshots illustrate the user interface of ProQuest Ebook Central. The top image shows the sign-in screen with three main features: Trusted Content (find scholarly ebooks from multiple subjects), On the Go (search for ebooks on laptop, tablet or phone), and Save and Share (create highlights, notes, and bookmarks for later). The middle image shows the homepage with a search bar for 'marketing', advanced search, and browse subjects options. It also features a 'Recently Viewed' section and a 'Trusted content' section. The bottom image shows a detailed search result for the book 'Guerrilla Marketing in 30 Days' by Jay Levinson. The results page includes filters for book status, year published, subject, language, and author, along with a list of available chapters and a preview of the first chapter.


**IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI

[www.recruitment.gov.bn](http://www.recruitment.gov.bn)

TARIKH IKLAN: 04 APRIL 2020

TARIKH TUTUP: 02 MEI 2020

**PERATURAN 7(A)**
**BILANGAN IKLAN 23/04/20 (SPA/BIKL)**

Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai  
dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**1. KETUA PEGAWAI MELESEN**

B.2 EB.3 / B.2

BAHAGIAN II

JABATAN PENGANGKUTAN DARAT

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

KEKOSONGAN = SATU (01)

2020/0013/09

**2. PEMANDU**

F.1-2-3-4-5 EB.6

BAHAGIAN V

JABATAN-JABATAN KERAJAAN

KEKOSONGAN = TIGA (03)

2020/0011/19

**PERATURAN 38(A)**
**BILANGAN IKLAN 22/2020 (SPA/BIKL)**

Khusus bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**1. NAZIR KHAS**

B.3

BAHAGIAN II

JABATAN KENAZIRAN SEKOLAH-SEKOLAH

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

KEKOSONGAN = TIGA (03)

2020/0013/01

**PERATURAN 38(B)**
**BILANGAN IKLAN 23/2020 (SPA/BIKL)**

Khusus bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian / Jabatan di mana kekosongan jawatan diiklankan.

**1. PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT I**

B.3

BAHAGIAN II

KEMENTERIAN PERTAHANAN

KEKOSONGAN = SATU (01)

2020/0013/02

**UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:**

Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan *Quicklinks* dan FAQ's di [www.recruitment.gov.bn](http://www.recruitment.gov.bn)

Sebarang pertanyaan mengenai keputusan-keputusan *shortlisting*, hal ehwal ujian dan temu duga hendaklah menghadapkan ke Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam melalui e-mel [query@spa.gov.bn](mailto:query@spa.gov.bn)

KEMENTERIAN  
HAL EHWAH  
UGAMA



BIL. TAWARAN :  
KHEU / BDP / 164 / 322 / 2019

TAJUK :  
INSTALLATION OF NEW STAIRCASE  
AND REPAIR EXISTING FENCING  
SIGNAGE AT TANAH  
PERKUBURAN ISLAM SG. PANGA,  
KG. SUNGAI KEBUN,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TARIKH TUTUP :  
RABU, 15 APRIL 2020, 2.00 PETANG

YURAN :  
TIDAK DIKENAKAN BAYARAN

JABATAN  
PERKHIDMATAN  
ELEKTRIK  
KEMENTERIAN  
TENAGA

JEMPUTAN UNTUK MEMBERI  
SEBUT HARGA  
JABATAN PERKHIDMATAN  
ELEKTRIK

BILANGAN TAWARAN :  
JPE / LTK / BPP / 001 / 2020

TAJUK TAWARAN :  
PEMASANGAN LAMPU JALAN DARI  
RASAU HINGGA KE SEMPADAN  
SG. TUJOH, KUALA BELAIT

TARIKH TUTUP :  
21 APRIL 2020 / SELASA  
(JAM 2.00 PETANG)

YURAN TAWARAN :  
BND50.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)



UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM



BIL. TAWARAN :  
UBD / E8 / 002 / 2020

JABATAN  
PENERBANGAN AWAM  
KEMENTERIAN  
PENGANGKUTAN DAN  
INFOKOMUNIKASI



KETERANGAN :  
THE SUPPLY, DELIVERY,  
INSTALLATION,  
CONFIGURATION, MIGRATION,  
TESTING, COMMISSIONING  
AND MAINTENANCE OF  
LIBRARY MANAGEMENT  
SYSTEM (LMS) AND DIGITAL  
COLLECTION MANAGEMENT  
SYSTEM (DCMS) FOR  
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

BAYARAN DOKUMEN  
DAN PENTADBIRAN :  
BND500.00  
(tidak dikembalikan)

BAYARAN DOKUMEN :  
SELASA, 14 APRIL 2020, 2.00 PETANG

TAWARAN BAGI MEMBEKAL  
PERKHIDMATAN  
'AIRPORT OWNERS AND  
OPERATORS  
LIABILITY INSURANCE'

BILANGAN TAWARAN :  
JPA / ADM / 2020 / 03 (R)

TARIKH TUTUP TAWARAN :  
SELASA, 28 APRIL 2020



**MAHKAMAH TINGGI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**DI DALAM MAHKAMAH TINGGI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
BANDAR SERI BEGAWAN**

**SYARIKAT (PENGGULUNGAN)  
NO. BCY / ICWP / 7 / 2019**

DALAM PERKARA AKTA PERINTAH  
INSOLVENSI 2016

DAN

DALAM PERKARA  
GOO BROTHERS ELECTRICAL  
ENGINEERING SDN. BHD.

**NOTIS PERJUMPAAN  
PERTAMA PEMIUTANG**

(Di bawah Perintah Penggulungan  
bertarikh 3 Oktober 2019).

NOTIS adalah dengan ini diberikan bahwa perjumpaan Pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Mahkamah Besar pada 12 Mei 2020, jam 10.00 Pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah disimpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Bertarikh : 14 Mac 2020.

**NUR ELEANA  
BINTI DP HAJI HAIROL ARNI**  
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar.

**JABATAN PENTADBIRAN  
DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**TAWARAN MEMBEKAL  
DAN MENGHANTAR**

**BILANGAN TAWARAN :**  
MOE / LTK / 102 / 2019 / 2020  
[JPK-MAC-2020]

**BAYARAN DOKUMEN :**  
BND30.00  
[Bayaran Dokumen Tawaran  
tidak dikembalikan]  
dan  
BND 5.00 E-Dokumen  
[tidak dikembalikan]

**KETERANGAN :**  
TAWARAN TERBUKA "JOINT  
PUBLISHING PROJECT FOR HISTORY  
OF BRUNEI DARUSSALAM, 1880-1984  
TEXTBOOK FOR YEAR 9"  
JABATAN PERKEMBANGAN  
KURIKULUM,



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**TARIKH TUTUP :**  
SELASA, 5 MEI 2020  
[TIDAK LEWAT JAM 2.00 PETANG]



**JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**



**DIBUKAKAN KEPADA  
PEMBORONG-PEMBORONG  
YANG BERDAFTAR DENGAN  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
DI DALAM KELAS : V & VI SAHAJA  
KATEGORI :**

**B01 SAHAJA - KOD BAHARU**

**TARIKH TUTUP TAWARAN PADA :**  
28 APRIL 2020 (SELASA)  
TIDAK LEWAT DARI  
JAM 2.00 PETANG

**BILANGAN :**  
JKR / DTS / 27 / CQS / 2020 - T / V

**NAMA PROJEK :**  
PROGRAM PUSAT  
PENYELIDIKAN, PENGANALISAAN  
DAN RUJUKAN PENYAKIT  
TERNAKAN

**YURAN TAWARAN :**  
BND1,000.00  
(TIDAK DIKEMBALIKAN)

**YURAN TAWARAN :**  
BND5.00  
(TIDAK DIKEMBALIKAN)



**KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN  
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

**IKLAN JAWATAN KOSONG**

**KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN  
UGAMA SERI BEGAWAN  
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Syarat-syarat Am**

- PEMOHON mestilah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Pemohon mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Agama Islam, Adat Istiadat Negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- Cara permohonan rujuk di ruang PEMBERITAHUAN.

**PERATURAN 38(b)**

Dibukakan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan / tenaga-tenaga akademik tempatan yang sedang berkhidmat dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama dan jabatan-jabatan di bawahnya, yang memenuhi syarat-syarat kelayakan atau kriteria-kriteria yang dikehendaki bagi jawatan tersebut.

**1. JAWATAN : Pensyarah (PT1A)**

**2. BAHAGIAN : II**

**3. TANGGA GAJI : PT1A**  
(BND3,190.00 - BND3,300.00 -  
BND3,410.00 - BND3,520.00 -  
BND3,640.00 - BND3,760.00)  
EB Khas BND3,880.00 - BND4,240.00)

**4. KEKOSONGAN JAWATAN :**  
1 kekosongan

**5. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN :**

**BAGI TANGGA GAJI PT1A**

- Sebagai keperluan utama, mestilah mempunyai Ijazah Sarjana Muda (sekurang-kurangnya kelas dua atas) DAN Ijazah Sarjana (peringkat *distinction* sebagai

**PEMBERITAHUAN**

1. Penggunaan Borang KUPU SB / P1 serta keterangan lanjut boleh diperoleh di Pejabat Pendaftar, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan atau melayari laman sesawang : [www.kupu-sb.edu.bn](http://www.kupu-sb.edu.bn).

2. Pemohon hendaklah melengkapkan borang KUPU SB / P1 dan menyertakan salinan-salinan Surat Beranak, Kad Pintar, Surat-Surat Akuan, sijil-sijil yang berkenaan, sekeping gambar berukuran pasport dan dihantar ke alamat berikut :

**PENDAFTAR**  
**KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN  
UGAMA SERI BEGAWAN**  
**KM 2, JALAN RAJA ISTERI PENGIRAN  
ANAK SALEHA,**  
**BANDAR SERI BEGAWAN, BA2111,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

Telefon : +673 2236277  
Faksimile : +673 2225226

**Tarikh Tutup Iklan : 25 April 2020**  
**Rujukan Iklan :**  
**KUPU SB / PJW / 06 / 2020**



**JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**NO.PROJEK :**  
**JKR / DTS / SP / 09 / 2020 (STE)**

**YURAN TAWARAN :**  
BND100.00  
(TIDAK DIKEMBALIKAN)



**MAHKAMAH TINGGI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**DI DALAM MAHKAMAH TINGGI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
BANDAR SERI BEGAWAN**

**SYARIKAT (PENGGULUNGAN)  
NO. BCY / VCWP / 3 / 2019**  
DALAM PERKARA AKTA PERINTAH  
INSOLVENSI 2016  
DAN

DALAM PERKARA  
CHIN WE CONSTRUCTION (B)  
SDN.BHD.

**NOTIS PERJUMPAAN  
PERTAMA PEMIUTANG**

(Di bawah Perintah Penggulungan  
bertarikh 21 November 2019).

NOTIS adalah dengan ini diberikan bahwa perjumpaan Pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (R1-1), Mahkamah Besar pada 21 April 2020, jam 9.45 Petang.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah disimpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Bertarikh : 18 Februari 2020.

**MUHD MUZAKKIR  
BIN HAJI ZAKARIA**  
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar.

# IKLAN



## MAHKAMAH TINGGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**DIDALAM MAHKAMAH TINGGI  
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
DI BANDAR SERI BEGAWAN**

**KES NO. BCY / CP / 143 / 2019**

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM  
BERHAD**

- Pemutang / Pemetisyen

**MOHAMMAD ABDULLAH BIN DRAISE  
(BYIC No. 01-044561)**

- Penghutang / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG  
TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 19 Oktober 2019.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemutang-pemutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (R1) Mahkamah Besar pada **30 April 2020, jam 9.30 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **30 April 2020, jam 9.30 Pagi**.

Mana-mana pemutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ewalnya dan sebab-sebab kegalannya.

Bertarikh : 3 Mac 2020.

**KES NO. BCY / CP / 239 / 2019**

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM  
BERHAD**

- Pemutang / Pemetisyen

**ADI WISMA BIN ABDULLAH  
(BYIC No. 01-046011)**

- Penghutang / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG  
TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 21 September 2019.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemutang-pemutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (R1) Mahkamah Besar pada **20 April 2020, jam 9.00 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **20 April 2020, jam 9.00 Pagi**.

Mana-mana pemutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ewalnya dan sebab-sebab kegalannya.

Bertarikh : 3 Mac 2020.

**KES NO. BCY / CP / 303 / 2019**

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM  
BERHAD**

- Pemutang / Pemetisyen

**ZULFADLI BIN ABD. WAHAB  
(BYIC No. 00-322980)**

- Penghutang / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG  
TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 23 November 2019.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemutang-pemutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (R1) Mahkamah Besar pada **22 April 2020, jam 10.00 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **22 April 2020, jam 10.00 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pemutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ewalnya dan sebab-sebab kegalannya.

Bertarikh : 18 Februari 2020.

**NURUL HIDAYAH BINTI HAMDAN**  
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar

**KES NO. BCY / CP / 150 / 2019**

**BIBD AT-TAMWIL BERHAD**  
- Pemutang / Pemetisyen

**HAJI BAHRIN BIN HAJI IBRAHIM  
(BYIC No. 00-273023)**

- Penghutang / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG  
TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 30 Januari 2020.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemutang-pemutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (R1-6) Mahkamah Besar pada **22 April 2020, jam 10.30 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **22 April 2020, jam 10.30 Pagi**.

Mana-mana pemutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ewalnya dan sebab-sebab kegalannya.

Bertarikh : 29 Februari 2020.

**KES NO. BCY / CP / 246 / 2019**

**SIM BOON HUA TRADING COMPANY**  
- Pemutang / Pemetisyen

**CHIA KOK LIANG  
(BYIC No. 30-105447)**

- Penghutang / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG  
TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 6 Februari 2020.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemutang-pemutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (R1-6) Mahkamah Besar pada **22 April 2020, jam 9.00 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **22 April 2020, jam 9.00 Pagi**.

Mana-mana pemutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ewalnya dan sebab-sebab kegalannya.

Bertarikh : 3 Mac 2020.

**KES NO. BCY / CP / 218 / 2019**

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM  
BERHAD**

- Pemutang / Pemetisyen

**SITI QURRATU'AINI BINTI RILLY  
(BYIC No. 01-040032)**

- Penghutang / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG  
TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 30 Januari 2020.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemutang-pemutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (R1-1) Mahkamah Besar pada **29 April 2020, jam 9.30 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **29 April 2020, jam 9.30 Pagi**.

Mana-mana pemutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ewalnya dan sebab-sebab kegalannya.

Bertarikh : 3 Mac 2020.

Penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ewalnya dan sebab-sebab kegalannya.

Bertarikh : 3 Mac 2020.

**NUUROR-RAHEEBAH  
BINTI HAJI ABD. WAHAB**

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar

**KES NO. BCY / CP / 199 / 2013**

**BAIDURI FINANCE BERHAD**

(previously filed HSBC Finance (B) Berhad)  
- Pemutang / Pemetisyen

**MOHAMMAD EDDY SUWARDI  
BIN MAKHMUN**  
(BYIC No. 00-302279 / RBAF No. 16959)

- Penghutang / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG  
TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 3 Oktober 2019.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemutang-pemutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (R1-1) Mahkamah Besar pada **29 April 2020, jam 9.30 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **29 April 2020, jam 9.30 Pagi**.

Mana-mana pemutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ewalnya dan sebab-sebab kegalannya.

Bertarikh : 3 Mac 2020.

**KES NO. BCY / CP / 426 / 2018**

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM  
BERHAD**

(previously filed HSBC Finance (B) Berhad)  
- Pemutang / Pemetisyen

**MOHAMMAD RAZALI BIN ROSLI  
(BYIC No. 30-203019)**

- Penghutang / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG  
TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 9 Januari 2020.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemutang-pemutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (R1-1) Mahkamah Besar pada **27 April 2020, jam 9.30 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **27 April 2020, jam 9.30 Pagi**.

Mana-mana pemutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ewalnya dan sebab-sebab kegalannya.

Bertarikh : 3 Mac 2020.

**MUHD. MUZAKKIR BIN HAJI ZAKARIA**  
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar

# MEMBAHARUI LESEN MEMANDU MELALUI ATAS TALIAN (ON-LINE)

## TATACARA


Muat turun aplikasi mudah alih 'TransportBN' melalui App Store bagi iOS dan Google Play bagi Android

Klik ikon 'Driving Licence Renewal'



Layari [www.gov.bn](http://www.gov.bn)

Pilih 'A - Z Perkhidmatan' & cari 'Pengangkutan' & klik 'Membaharui Lesen Memandu'



Log masuk menggunakan akaun e-darussalam awda

Sila pilih tempoh pembaharuan (1, 3, 5 atau 10 tahun) serta pilih penghantaran melalui pos dan klik seterusnya

Sila pastikan keterangan yang diperlukan adalah betul serta terkini dan klik butang 'hantar' untuk proses selanjutnya

Klik butang buat 'Pembayaran Secara Online' dan penghantaran akan dibuat melalui pos

3

4

5

6



Lesen memandu yang dibaharui melalui atas talian (online) atau aplikasi mudah alih TransportBN akan dihantar ke alamat yang diberikan oleh pemohon menggunakan perkhidmatan Pos dalam masa 3 hari waktu berkerja dengan caj tambahan \$3.00.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi

Jabatan Pengangkutan Darat di talian 2451979/81/82/83 (waktu pejabat) atau emel [info\\_ltd@land-transport.gov.bn](mailto:info_ltd@land-transport.gov.bn)

# Langkah-Langkah Semasa Penutupan Sementara Masjid, Surau dan Balai Ibadat Seluruh Negara Brunei Darussalam Bagi Membendung Penularan Wabak COVID-19



Sepanjang penutupan sementara ini, **Pegawai Masjid** dan **Kakitangan Masjid** akan;



- 01** Bertugas seperti biasa dan melaungkan Azan bagi menandakan waktu-waktu sembahyang
- 02** Membaca ayat-ayat al-Quran, zikir dan doanya sebelum dan sesudah sembahyang dan akan dikumandangkan melalui pembesar suara, mengikut kesesuaianya bagi menghidupkan suasana masjid sebagai Syiar Islam dan umat Islam khasnya di kawasan-kawasan tadahannya
- 03** Membuat pembersihan berterusan di tempat-tempat yang sering dipegang seperti tombol-tombol pintu, rak-rak kitab al-Quran, buku Yaasin dan lain-lain
- 04** Sentiasa membersihkan tandas dan tempat-tempat berwudhu
- 05** Sentiasa memvakum dan membersihkan karpet/ tikar-tikar sembahyang
- 06** Memastikan pencuci tangan dan 'hand sanitizer' disediakan di dewan sembahyang/ tandas/ tempat berwudhu
- 07** Dalam tempoh penutupan ini, kerja-kerja pembersihan dan pembasmian kuman (Disinfection) di masjid-masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara akan terus diusahakan melalui syarikat-syarikat yang berkenaan.

**Manakala bagi jemaah dan orang ramai, diminta untuk;**



- ✓ Bersabar dan mematuhi arahan penutupan sementara
- ✓ Mematuhi semua arahan pihak-pihak berkuasa sambil tetap berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala bagi memohon perlindunganNya
- ✓ Bersama-sama mengambil kesempatan untuk mula melakukan atau meneruskan bahkan meningkatkan lagi amal ibadat khasnya sembahyang berjemaah bersama ahli keluarga serumah disertai juga dengan beristighfar memohon ampun kepada Allah Subhanahu Wata'ala atas kesengajaan atau keterlanjuran perbuatan yang menyalahi perintah dan laranganNya serta memohon maaf atas dosa yang dilakukan kepada sesama hamba Allah

**اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالجُحُونِ، وَالجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ**

"*Ya Allah, ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepadaMu daripada penyakit sopak, gila dan kusta serta daripada penyakit-penyakit yang buruk.*"



kheu.brunei



www.kheu.gov.bn



Jabatan Hal Ehwal Masjid



2233192/ 2223268



Disediakan oleh:  
Jabatan Hal Ehwal Masjid,  
Kementerian Hal Ehwal Ugama,  
Negara Brunei Darussalam

# Bekalan air bersih ke kampung pedalaman dirancang bersistematik

Berita dan Foto : Aimi Sani

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 1 April. - Jabatan Kerja Raya (JKR) melalui Jabatan Perkhidmatan Air dalam memastikan bekalan air bersih ke kampung pedalaman telah merancang secara sistematis dan berperingkat-peringkat untuk melaksanakan serta memperluaskan projek penyambungan paip air iaitu bermula dari grid air negara ke kawasan-kawasan pedalaman di negara ini.

Setakat ini, masih terdapat sebuah rumah panjang di Daerah Belait yang masih menggunakan sistem penapisan pasir, manakala beberapa buah (lebih kurang 10 kawasan) bilangan kampung terpencil di Daerah Tutong telah disepadukan ke dalam grid air negara dan tidak lagi bergantung kepada sistem penapisan pasir.

Perkara tersebut dijelaskan oleh wakil dari Jabatan Perkhidmatan Air, Pemangku Jurutera Air Kanan, Awang Haji Ashrul Suhardy bin Haji Ibrahim ketika menjawab soalan berkaitan tindakan pihak JKR dalam menangani masalah

tekanan air rendah di sebahagian tempat yang terlibat.

Menurut beliau, inisiatif lain termasuk kemungkinan menyediakan beg air, bantuan air teknikal dan penyediaan sementara tangki biru berdekatan jika perlu, manakala bekalan air sentiasa dibekalkan secara berterusan, namun banyak perkara yang tidak dapat dilakukan boleh menyumbangkan kepada gangguan bekalan air seperti masalah tekanan air rendah.

"Ingin dijelaskan di sini bahawa, kerosakan paip-paip air tidak dapat dijangka dan ia boleh berlaku pada bila-bila masa dan di mana-mana jua, malah hampir setiap hari kerosakan paip air terjadi di tempat yang berbeza. Jika kerosakan paip-paip air ini berlaku, mengikut jenis dan keadaan kerosakan paip-paip ini dan juga pembaikan yang akan dilakukan, ia akan menyebabkan gangguan bekalan air secara sementara.

Antaranya ialah kerosakan paip-paip air, sama ada paip-paip air Pembahagian (Distribution) mahu pun paip-paip air Pembekalan Utama (*Transmission*). Gangguan bekalan air juga terjadi jika ada kurang penghantaran bekalan air dari

loji rawatan air disebabkan kerja-kerja pemeliharaan dan kerosakan-kerosakan dan juga gangguan-gangguan tertentu di loji-loji rawatan air mahupun di stesen pam-pam air. Namun, perkara seumpama ini adalah bersifat sementara," terangnya.

Walau bagaimanapun, pihak JKR, khususnya Jabatan Perkhidmatan Air akan sentiasa memastikan kerosakan paip air akan diperbaiki dengan serta merta dan bagi yang memerlukan bekalan air semasa gangguan air disebabkan kerosakan paip air, Jabatan Perkhidmatan Air akan memberikan perkhidmatan penghantaran bekalan air *tanker*.

Manakala bagi kawasan tinggi yang mengalami tekanan air rendah, salah satu cara ialah dengan membuat rumah pam dan tangki air (*sump tank and sump pump*) khusus bagi simpang yang terjejas sahaja dan ini tertakluk juga dengan keadaan dan kawasan setempat serta mengikut prioriti.

Selain itu, bagi pemaju yang memajukan tanah-tanah persendirian, sebelum mana-mana kemajuan tapak baru bermula di kawasan yang melibatkan tanah yang tinggi, pihak Konsultan melalui QP (*qualified person*)

dikehendaki menghadapkan lukisan dan reka bentuk untuk sistem bekalan air bagi memastikan tekanan air yang mencukupi dapat dicapai apabila kemajuan siap dimajukan.

QP juga dikehendaki untuk menasihati pemaju atau pemilik tanah sebarang sistem bekalan air seperti penyediaan tangki *sump* dan pam untuk bekalan ke tempat yang tinggi.

Menyentuh mengenai menangani masalah paip pecah tambahnya, pihak Jabatan Perkhidmatan Air akan sentiasa memerlukan selama enam jam, namun kebanyakannya masalah tersebut boleh diselesaikan dalam satu hingga ke tiga jam sahaja dan selalunya hanya paip utama yang berukuran 400 diameter ke atas akan mengambil masa hampir enam jam untuk selesai (atau lebih sehingga kerja-kerja selesai).

Walau bagaimanapun, setiap paip yang pecah berbeza dari segi teknikal mahupun keadaan sekeling. Oleh itu, menangani masalah tersebut bukan selalu mudah dan apabila setelah selesai pemberaan, bekalan air juga akan mengambil beberapa masa untuk kembali seperti biasa sepenuhnya, terutama di kawasan-kawasan tinggi.

Dalam pada itu, pihak JKR juga ingin mengambil peluang ini untuk memohon kerjasama semua pihak serta orang ramai untuk berjimat cermat dalam penggunaan air serta menghubungi Talian Darussalam 123 bagi pembekalan air bersih melalui *tanker* atau sebarang aduan berhubung kait dengan masalah pembekalan air bersih.

Orang ramai terutamanya yang mempunyai tangki rumah dan penapis air sendiri, adalah dinasihatkan untuk memastikan barang tersebut sentiasa dalam keadaan bersih dengan melakukan rutin *flushing* dan *backwashing* kerana tangki rumah dan penapis air yang lama tidak dibersihkan akan menyebabkan air berubah warna, walaupun keadaan bekalan air di luar kawasan rumah jernih.

JKR juga memohon maaf atas apa jua kesulitan yang dialami oleh orang ramai mengenai dengan bekalan air bersih dan juga mengucapkan terima kasih atas kefahaman dan kesabaran orang ramai yang terlibat.



**PEMANGKU Jurutera Air Kanan, Jabatan Kerja Raya (JKR), Awang Haji Ashrul Suhardy bin Haji Ibrahim semasa memberikan penerangan.**

## Kecekapan sistem pembekalan air dipertingkatkan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 1 April. - Dalam memastikan pembekalan air bersih kepada penduduk di negara ini, Jabatan Kerja Raya (JKR) melalui Jabatan Perkhidmatan Air, melaksanakan pelbagai inisiatif secara berterusan antaranya ialah kecekapan Loji Rawatan Air Bukit Barun di Fasa 4 dan 5.

Pembekalan air bersih yang berterusan bagi Daerah Brunei Muara dari loji tersebut telah menurun sejak kebelakangan ini, disebabkan oleh masalah *wear and tear* yang terdapat di sistem peralatan memproses air di loji berkenaan sudah melebihi 20 tahun yang memerlukan pemberaan dan penggantian.

Meskipun banyak usaha secara *ad-hoc* telah dilakukan sejak beberapa tahun ini dengan menggunakan peruntukan pemeliharaan yang agak terhad, namun sistem peralatan yang ada tidak dapat bertahan dan sudah tiba masanya untuk diganti dan ditingkatkan (*upgrade*).

Perkara tersebut dikongsikan oleh wakil dari Jabatan Perkhidmatan Air iaitu Pemangku Jurutera Air Kanan, Awang Haji Ashrul Suhardy bin Haji Ibrahim ketika ditemui berhubung dengan status perkhidmatan air pada ketika ini.

Pada masa ini ujar beliau, kerja-kerja meningkatkan taraf dan membaik pulih telah bermula dengan peruntukan khas yang diberikan sebanyak BND4 juta dan kerja-kerja ini, termasuklah mengganti semula semua peralatan lama termasuk sistem elektronik, *control valve*, *filtration system*, *sedimentation system* serta peralatan *ultra sonic*, *blow meters* dan *sensors*.

Projek ini tambahnya sedang dalam perlaksanaan dan akan siap pada sekitar tahun ini, kapasiti pengeluaran air bersih secara berterusan dari loji berkenaan akan meningkat dan seterusnya mengurangkan masalah air yang kita hadapi pada masa ini.

"Walau bagaimanapun, penutupan bekalan air perlu dibuat pada masa-masa tertentu bagi membolehkan kerja-kerja menaik taraf loji Fasa 4 dan 5 yang sudah dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Air pada masa ini. Kementerian Pembangunan akan memastikan secara berterusan untuk memastikan kekerapan penutupan dan tempoh masa penutupan yang minimum supaya tidak akan menjadikan penghantaran air bersih ke tangki-tangki simpanan yang ada, selain turut memaklumkan kepada orang ramai melalui media massa akan sentiasa juga dikeluarkan bagi memastikan persediaan penyimpanan air yang mencukupi semasa gangguan bekalan air berlaku," ujarnya.

Menyentuh mengenai kebocoran paip-paip air pula, tambahnya sistem rangkaian paip air induk (*transmission system*) sering kali juga mengalami kebocoran disebabkan bencana alam dan juga paip-paip yang sudah berumur (*ageing*), yang mengakibatkan ketidakstabilan bekalan air ke tangki-tangki simpanan air. Sejak kebelakangan ini, secara purata Jabatan Perkhidmatan Air telah menerima 900 kebocoran paip yang dilaporkan setiap bulan.

Beliau turut menjelaskan bahawa kerosakan paip-paip air tidak dapat dijangka dan ia boleh berlaku pada bila-bila masa dan di mana-mana jua, malah hampir

setiap hari kerosakan paip air terjadi di tempat yang berbeza dan jika kerosakan paip-paip air ini berlaku, mengikut jenis dan keadaan kerosakan paip-paip ini dan juga pemberaan yang akan dilakukan, ia akan menyebabkan gangguan bekalan air secara sementara.

Walau bagaimanapun, pihak JKR khususnya Jabatan Perkhidmatan Air akan sentiasa memastikan kerosakan paip air akan diperbaiki dengan serta merta dan bagi yang memerlukan bekalan air semasa gangguan air disebabkan kerosakan paip air, Jabatan Perkhidmatan Air akan memberikan perkhidmatan penghantaran bekalan air *tanker*.

Jabatan Perkhidmatan Air dalam pada itu juga sentiasa berusaha untuk mencari penyelesaian alternatif seperti melaksanakan aktiviti mengesan kebocoran, membuat sambungan paip air daripada sumber tangki air lain, operasi-operasi membuka injap simpanan ataupun dari *boundary valve* bagi membantu kawasan tiada air dan sebagainya.

Awang Haji Ashrul Suhardy juga turut mengongsikan, antara punca lain menyebabkan gangguan air ialah mengenai kes-kes pemugut dan kecurian peralatan sistem bekalan air yang kian meningkat dan antara perkara-perkara yang selalu menjadi kecurian ialah peralatan *telemetry*, pendawaian peralatan bekalan dan penyambungan elektrik, peralatan pam-pam air, kerosakan pagar keliling selain *fencing* tangki-tangki dan rumah-rumah pam dan juga *flow meter* peralatannya, *display unit*, peralatan *solar system back up power battery* dan kabinet dan ini

adalah peralatan yang membekalkan air bersih. Juga pemugut yang selalu merosakkan ialah peralatan pili bomba (*fire hydrant*) yang mengikut kiraan Jabatan Perkhidmatan Air sebanyak 250 kerosakan pili bomba (*fire hydrant*) telah didapati sejak akhir-akhir ini, dan ini adalah sangat membimbangkan bahkan akan memakan belanja yang dianggarkan sebanyak BND500 ribu.

Di sini, inisiatif pihak jabatan adalah sentiasa memaklumkan orang ramai dan juga pihak-pihak agensi berkenaan agar sentiasa bekerjasama untuk mengatasi masalah tersebut.

Sebahagian daripada peralatan *telemetry* di tangki-tangki simpanan air dirosakkan atau dicuri mengakibatkan pemantauan bekalan air di sebahagian tempat sukar dilakukan. Selain itu, kes curi dan pugut pada pam-pam bekalan air, kabel elektrik, pili bomba dan sebagainya akan secara langsung mengakibatkan gangguan bekalan air. Ada kalanya, peralatan bekalan air dirosakkan atau dicuri selepas baru dipasang.

Dalam Rancangan Kemajuan Negara (RKN) yang Ke-11, beberapa projek berkaitan dengan pembekalan air seperti pembinaan tangki simpanan air akan dilaksanakan. Projek tangki-tangki tersebut akan menambah kapasiti bekalan air bersih kepada negara. Secara ringkas inisiatif jangka panjang adalah seperti berikut :

- Perkembangan Pelan Masa Depan (Long Term Planning) Sistem Bekalan Air Negara.
- Strategi memperluaskan konsep penjimatan air.
- Strategi memperkuatkan lagi

sistem kawalan bekalan air.

- Strategi mempertingkatkan kepakaran serta *accuracy* hasil makmal air.

- Strategi mencari Non-Revenue Water bagi seluruh negara.

- Mengadakan program latihan untuk kakitangan jabatan serta membuat Succession Planning.

- Strategi mempertingkatkan sistem bil air.

Jabatan Perkhidmatan Air juga sentiasa berusaha untuk meningkatkan kecekapan sistem pembekalan air sementara yang sedia ada seperti menambah perkhidmatan tangki air bergerak dengan mengadakan penglibatan pihak swasta (*outsourcing*) iaitu perkhidmatan tangki air bergerak. Selain membekalkan air dengan menggunakan *jerrycan* atau *water bags* sekiranya *in case of emergency*. Juga menempatkan lebih banyak tangki biru di kawasan di simpang-simpang yang terjejas yang telah pun dilaksanakan pada masa ini serta mengadakan *stand pipes* di kawasan Ibu Pejabat Perkhidmatan Air, Jalan Tasek Lama dan kawasan-kawasan bersesuaian bagi memudahkan orang ramai untuk mengambil air.

# NFABD laksana Majlis Menyahkuman Masjid



Berita dan Foto :  
Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 3 April. - Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NFABD) dengan kerjasama Borneo United mengadakan Majlis Menyahkuman Masjid di Jame' Asr Hassanil Bolkiah, di sini.

Yang Di-Pertua NFABD, Pengiran Haji Matusin bin Pengiran Haji Matasan berkata, program tersebut antara lain merupakan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) NFABD dalam usaha untuk membantu pihak

NFABD dengan kerjasama Borneo United mengadakan Majlis Menyahkuman Masjid di Jame' Asr Hassanil Bolkiah.



YANG Di-Pertua Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NFABD), Pengiran Haji Matusin bin Pengiran Haji Matasan semasa ditemui bual.

kerajaan dan masyarakat dengan membersihkan dan membasi kuman.

"Pertama sekali, kami di NFABD sama-sama berdoa agar Rakyat Negara Brunei Darussalam sentiasa selamat dan sejahtera serta bebas daripada wabak COVID-19 dan keadaan negara kembali selamat dan sejahtera.

Jadi dengan usaha ini, mudah-mudahan ia akan dapat meningkatkan lagi tahap kebersihan dan membasi kuman di sekitar kawasan dan di dalam Jame' Asr Hassanil Bolkiah supaya orang ramai yang bakal beribadat di dalamnya akan berasa lebih yakin dengan kebersihannya," ujarnya.

Sekiranya ada keperluan untuk program seumpamanya diteruskan, Pengiran Haji Matusin seterusnya menjelaskan, NFABD akan berusaha untuk meneruskan program berkenaan.

AKTIVITI membersihkan dan membasi kuman di dalam Jame' Asr Hassanil Bolkiah (kiri sekali dan kiri)

## Pelbagai usaha dilaksana atasi air kekuningan

Oleh : Aimi Sani

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 1 April. - Bekalan air bersih yang berwarna kekuningan di kebanyakan tempat pada ketika ini adalah disebabkan oleh kekeruhan air mentah dari Sungai Tutong yang sukar untuk dirawat dan mengakibatkan pengurangan penghasilan air bersih.

Kekeruhan air sungai ini selalu terjadi ketika berlakunya perubahan cuaca. Situasi seperti kemarau pada musim panas dan banjir pada musim hujan adalah antara faktor yang menyebabkan kualiti air untuk mengalami perubahan yang ketara, sama ada di air mentah (air sungai atau air empangan) juga air bersih (selepas diproses / dirawat).

Perkara tersebut dinyatakan oleh wakil dari Jabatan Perkhidmatan Air, Pemangku Jurutera Air Kanan, Awang Haji Ashrulhusandy bin Haji Ibrahim ketika ditemui berkenaan dengan status perkhidmatan bekalan air di negara

ini.

Selain itu, menurut beliau, kualiti air di empangan juga turut terjejas disebabkan oleh hujan yang lebat atau perubahan kuantiti air tадahan (water catchment), di mana ia boleh menyebabkan perubahan dalam komposisi mineral (mineral compositions). Kandungan mineral yang tinggi, seperti kandungan iron dan sulfide dan manganese. Situasi ini boleh menyebabkan air mentah berbau dan menyebabkan ia sukar untuk dirawat.

"Air mentah akan susah dirawat ketika musim hujan atau musim kemarau dan menyebabkan air yang disalurkan ke tangki-tangki air dan juga orang ramai akan berwarna kekuningan dan menyebabkan ia sukar untuk diterima oleh orang ramai (customer's acceptability).

Terdapat juga beberapa faktor lain yang boleh menyebabkan kekeruhan air sungai, seperti

sediment run-off; vegetation decomposition dan near stagnant conditions.

Perkara ini boleh menyebabkan air mentah mengandungi kandungan organik dan mineral yang tinggi, seterusnya menyumbang kepada tahap kekeruhan (*turbidity*) dan Hazen atau warna yang tinggi.

Disebabkan oleh perubahan kualiti air yang drastik di Sungai Tutong, kualiti air seperti ujian kekeruhan dan ujian warna turut terjejas dengan memberikan keputusan ujian yang tinggi," terang beliau lagi.

Pada masa ini ujarnya, loji rawatan air sedang giat membuat penyelarasan bahan kimia (*chemical dosage adjustment*) yang digunakan. Keputusan ujian kekeruhan yang tinggi menyebabkan air sukar untuk dirawat, di mana pengumpulan floc yang terlampau banyak telah naik ke permukaan kebanyakannya kolam pemendapan, seterusnya masuk ke kolam tapisan. Situasi ini menyebabkan kolam tapisan air sering tersumbat (*filter blockage*) dan membuatkan air yang dirawat

itu berwarna kekuningan dan penghasilan air bersih berkurangan.

Bagi kes kerja-kerja pemeliharaan (*shut down*), air kekuningan akan terjadi apabila kerja telah siap dan sistem yang berkenaan pulih. Tekanan air yang tinggi terjadi secara mendadak akan mengganggu *deposits* atau *sediments* di dalam paip. Bagi kawasan yang tidak mempunyai banyak penghuni, kualiti air juga akan terjejas kerana penggunaan air yang tidak banyak yang menyebabkan aliran air yang perlahan.

Dalam hal ini, Jabatan Perkhidmatan Air sering memberikan nasihat kepada orang ramai untuk memastikan tangki air di rumah adalah dalam keadaan yang bersih.

Antara tindakan bagi mengatasi isu air kekuningan dan pengurangan penghasilan air bersih di loji rawatan air loji rawatan air sedang melakukan penyelarasan bahan kimia (*chemical dosage adjustment*) bagi mendapatkan dos kimia yang tepat untuk mengurangkan berlakunya

*flocs rise-up* pada kolam-kolam pemendapan, selain membuat *back washing* yang kerap di kolam tapisan bagi mengurangkan kolam-kolam tapisan berkenaan tersumbat (*filter blockage*) untuk penghasilan air bersih secara berterusan. Walau bagaimanapun kerja-kerja *back washing* ini memerlukan pemakaian air bersih daripada tangki-tangki air bersih di dalam loji yang juga akan menyebabkan penurunan pada paras tangki-tangki air bersih tersebut.

Sementara itu, antara tindakan bagi mengatasi isu air kekuningan daripada tangki-tangki simpanan air dan rangkaian pembahagian ialah seperti memasang injap pengurang tekanan (*pressure reducing valves*), di samping melakukan kerja-kerja *flushing* secara berkala bagi mengelak air kekuningan yang disebabkan bertahan pada saluran paip pada jangka masa yang lama, terutama pada kawasan yang berada di persimpangan akhir (*end point*) juga pencucian tangki-tangki simpanan air secara rutin mengikut kesesuaian.

# Bekalan makanan, hasil pertanian cukup sepanjang tempoh PKP



PENGUNJUNG pusat jualan barang segar terkawal Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) seluruh negara perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan dengan masa berbelanja dibenarkan tidak melebihi 20 minit. Selain itu, pengunjung perlu melepas saringan suhu, menggunakan cecair pembasmi kuman sebelum keluar dari pusat jualan, beratur pada jarak satu meter antara satu sama lain dan masuk ke kawasan parkir kereta yang telah ditetapkan. - ©BERNAMA

MELAKA, 3 April - Rakyat tidak perlu khawatir atau risau tentang bekalan makanan dan hasil pertanian, kerana ia dijamin mencukupi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), kata Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah.

Katanya, kerajaan telah melaksanakan pelbagai usaha agar rantaian pemasaran bekalan makanan dan hasil pertanian negara tidak terputus atau terganggu, dengan memastikan lori penghantaran dapat menghantar barang tersebut, pada masa yang ditetapkan.

"Kita telah mendapat kerjasama daripada pihak pengawal, khususnya yang terlibat dalam sekatan jalan raya sepanjang PKP, untuk memberi laluan mudah pada lori penghantaran bekalan makanan, supaya bekalan ada di pasaran."

Justeru tidak perlu bimbang dengan membuat pembelian panik atau membuat stok makanan di rumah," katanya kepada pemberita selepas melawat Pusat Jualan Barang Segar Terkawal, di Pejabat Lembaga Pemasaran

Pertanian Persekutuan (FAMA) Melaka di sini, hari ini.

Turut hadir Ketua Pengarah FAMA, Datuk Zainal Abidin Yang Razalli; Pengurus Jawatankuasa Negeri Pertanian, Penternakan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Norhizam Hassan Baktee; dan Pengarah FAMA Melaka, Che Samudin Hassan.

Beliau berkata, pihaknya juga akan memastikan semua produk atau hasil pertanian, penternakan dan perikanan, khususnya daripada petani, penternak dan nelayan persendirian, akan terus dapat dipasarkan bagi mengelak sebarang lambakan, selain mempertingkat bekalan sedia ada.

Sementara itu Ahmad berkata, setakat ini sebanyak 47 daripada 97 buah pusat jualan barang segar terkawal FAMA, telah dibuka di seluruh negara, bagi memudahkan orang ramai mendapatkan bekalan makanan seperti sayur-sayuran, buah-buahan, ikan dan barang dapur, pada harga berpatutan.

"Tahniah kepada FAMA sebagai satu daripada agensi yang menjadi penggerak pada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, - ©BERNAMA



dalam usaha kita memastikan bekalan makanan mencukupi khususnya dalam menghadapi wabak COVID-19," katanya.

Dalam pada itu, pengunjung pusat jualan barang segar terkawal itu, Mohd Asri Alimin, 33, berkata pendekatan medium jualan barang keperluan asas itu, amat memudahkan kerana pemilihan barang dibantu kakitangan FAMA sekali gus menjimatkan masa pembelian.

"Mudah dan cepat hanya perlu isi borang apa yang ingin dibeli dan tidak sampai 10 minit dah boleh balik ke rumah. Tidak perlu lama berada di luar, sekali gus mengurangkan risiko terdedah pada jangkitan wabak COVID-19," kata pekerja sektor awam itu dari Ayer Keroh di sini.

Haslinah Rosli, 54, pula berkata, harga barang yang dijual di pusat jualan itu adalah berpatutan dan segar, khususnya ikan dan ayam. "Puas hati dengan bekalan yang ada...macam bawang besar susah nak dapat di pasar raya, tapi di sini semuanya ada," kata suri rumah dari Durian Tunggal itu. - ©BERNAMA

## Pelajar ingin pulang ke Malaysia tanggungjawab sendiri dan keluarga

PUTRAJAYA, Jumaat, 3 April. - Penuntut Malaysia dinasihatkan untuk kekal berada di negara pengajian mereka sekarang, namun sekiranya masih ingin pulang ke tanah air, urusan tersebut adalah di bawah tanggungan dan tanggungjawab pelajar sendiri atau keluarga masing-masing, kata Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

Dalam perkara itu, KPT berkata mereka yang ingin pulang ke Malaysia harus memaklumkan kepada wakil-wakil Education Malaysia dan kedutaan di negara pengajian mereka.

KPT berkata semua pelajar yang tiba di tanah air tertakluk kepada prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan (KKM) dan Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma) seperti menjalani saringan kesihatan di pintu masuk antarabangsa negara serta menjalani kuarantin selama 14 hari di pusat kuarantin yang ditetapkan.

"Sila berhubung dengan wakil-wakil Education Malaysia dan Wisma Putra di negara

Menurut KPT buat masa ini, pelajar dinasihatkan untuk kekal berada di negara pengajian mereka, serta sentiasa menurut arahan daripada pihak universiti dan pihak berkuasa tempatan di negara berkenaan, selain mengikuti perkembangan terkini yang sahih.

"Pertimbangan ini dibuat selepas menilai risiko semasa pergerakan dan penerbangan serta isu-isu logistik yang berkaitan secara mendalam," katanya.

Katanya Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Majlis Amanah Rakyat (Mara) telah menasihatkan pelajar tajaan mereka untuk kekal berada di negara pengajian masing-masing jika negara berkenaan tidak menyarankan pelajar asing untuk pulang.

Sebaua pelajar tajaan persendirian di luar negara turut dikehendaki untuk terus kekal berada di negara pengajian mereka, katanya.

"Sila berhubung dengan wakil-wakil Education Malaysia dan Wisma Putra di negara

pengajian masing-masing jika ada sebarang masalah atau penjelasan yang diperlukan," kata KPT.

Bagi pelajar yang berada dalam kategori rakyat Malaysia yang terkandas, KPT berkata Wisma Putra dengan kerjasama pelbagai agensi termasuk Nadma, KKM, MKN, Kementerian Kewangan Malaysia dan semua Perwakilan Malaysia di luar negara akan menjalankan usaha membawa pulang mereka ke Malaysia.

Menurut KPT, rakyat Malaysia yang terkandas merujuk kepada mereka yang kebetulan berada di luar negara bagi tujuan kerja, urusan keluarga atau bercuti, atau apa-apa sebab dan mempunyai tiket penerbangan pulang ke Malaysia, namun penerbangan pulang mereka telah dibatalkan.

Selain itu, mereka juga tidak mempunyai alternatif untuk pulang ke Malaysia disebabkan oleh sekatan perjalanan yang dikuatkuasakan bagi mengekang penularan pandemik COVID-19. - ©BERNAMA

## Sambutan Hari Bumi Palestin dirai menerusi media sosial

KUALA LUMPUR, 3 April - Ekoran perintah kawalan pergerakan, komuniti Palestin di Malaysia beralih kepada aktiviti digital media sosial sempena Hari Bumi, bagi mengenang peristiwa perpaduan penduduk Arab menentang pendudukan Israel.

Anggota komuniti itu, Abu Ahmad memberitahu Bernama, ekoran aktiviti secara terbuka sambutan berkenaan terpaksa dibatalkan disebabkan penularan wabak COVID-19, komuniti Palestin di sini, sekadar memuat

naik status dan gambar di media sosial.

"Kebiasaannya setiap tahun kami menyambut Hari Bumi Palestin dengan mengadakan ceramah, bacaan puisi dan aktiviti kebudayaan," katanya.

Sama seperti diaspora Palestin di seluruh dunia, komuniti di sini mengadakan sambutan berkenaan pada 30 Mac setiap tahun bagi mengekalkan perpaduan dan identiti mereka sebagai warga Palestin. "Kami menjemput semua pelajar dan keluarga Palestin di

Malaysia serta yang lain bagi mengukuhkan hubungan dan mengekalkan identiti kebangsaan," katanya.

Seorang wanita Palestin yang menghadiri acara itu tahun lalu berkata, "Kali ini, kami rakam aksi anak-anak ketika mereka menyanyikan lagu kebangsaan atau melukis peta Palestin."

Menurut seorang lagi warga Palestin, beliau gembira dapat menghadiri sambutan berkenaan di Malaysia pada tahun lalu. "Acara ini membolehkan kami mendidik

anak-anak kami mengenai tanah air datuk nenek mereka di Palestin," katanya.

Abu Ahmad turut menjelaskan bahawa Malaysia sejak sekian lama menyokong perjuangan rakyat Palestin. Ini adalah kali pertama sejak 1976, penduduk Palestin diseru menyambut ulang tahun ke-44 Hari Bumi menerusi media sosial. Pada 30 Mac 1976, penduduk Arab di kawasan

yang diduduki Israel bersatu mengadakan bantahan menyebabkan beberapa orang terbunuh dan beratus lagi cedera.

Ia berikutnya tindakan Israel merampas 1,500 hekar (607 hektar) ladang milik Palestin dan tanah di sekitar Sekheneen dan bandar Arab berhampiran bagi membina penempatan haram Israel yang baharu. - ©BERNAMA

**Kenali  
Negara  
Kitani**



# Tingkatkan ukhuwah melalui pelbagai aktiviti

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail  
Foto : Ihsan Ahli Jawatankuasa  
Takmir Masjid Beribi

## Pengenalan

**R**UANGAN Kenali Negara Kita pada kali ini akan membawa para pembaca ke Kampung Beribi, sebuah kampung yang terletak di Mukim Gadong, Daerah Brunei dan Muara (DBM) yang mempunyai keluasan 636.97 hektar.

Keramaian penduduk di Kampung Beribi ialah 8,407 orang yang mana kebanyakannya daripada mereka adalah puak Kedayan. Penduduk di kampung ini ada yang bekerja dengan agensi-agensi kerajaan, swasta dan ada yang bekerja sendiri.

Sejak tahun 2007, dengan berkembangnya ruang sempadan Bandar Seri Begawan, Kampung Beribi diletakkan di bawah kawalan Bandaran.

## Ketua Kampung

Pada masa ini, Kampung Beribi ditadbir oleh Pemangku Penghulu Mukim Gadong 'B', yang juga Ketua Kampung Kiarong, Awang Haji Omarsidi bin Haji Ahmad.

## Prasarana

Seperti kampung-kampung lain, Kampung Beribi juga tidak ketinggalan

menerima pembangunan yang disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk kemudahan penduduk di kampung ini seperti bangunan-bangunan sekolah rendah, menengah dan juga institusi-institusi tinggi. Sekolah Rendah Telanai, Sekolah Ugama Beribi, Institut Kemuda, Surau Kampung Beribi, Masjid Kampung Beribi (boleh memuatkan 500 jemaah pada satu masa), Jambatan Flyover Telanai menuju Rimba, bekalan elektrik, air, telefon, Balai Bomba Beribi, Perindustrian Beribi, hotel dan apartmen adalah sebahagian daripada pembangunan yang dilaksanakan.

Pada masa kini, satu lagi tarikan orang ramai di kampung tersebut ialah Beribi Eats. Ia merupakan sebuah tempat makan berkonsepkan terbuka bagi pengunjung yang ingin menikmati makanan dengan angin malam yang menyegarkan. Apa yang menarik tentang Beribi Eats ini ialah ia merupakan kontena yang diubah suai untuk dijadikan gerai makan moden. Para pengusaha makanan juga kebanyakannya terdiri daripada kalangan belia yang berminat dalam perusahaan makanan. Beribi Eats ini hanya dibuka pada sebelah petang iaitu bermula jam 6.00 petang dan tutup pada jam 10.30 malam.

Di kampung ini juga terletak Perindustrian Beribi, yang mana ia

merupakan tempat perindustrian seperti tempat membaiki kereta, membuat songkok, kedai roti, kedai runcit, kedai makan dan lain-lain lagi yang diusahakan oleh orang-orang tempatan.

## Aktiviti-Aktiviti Kampung

Sesebuah kampung tidak akan maju jika tidak ada keharmonian, sikap bergotong-royong untuk mengharumkan nama kampung. Sifat kekeluargaan serta saling hormat-menghormati dan semangat muhibah yang dipupuk terus dikekalkan sehingga kini dan ini dapat dilihat dalam pelbagai aktiviti kampung seperti Makan Tahun, Majlis Korban dan lain-lain lagi.

Penduduk kampung juga bergiat aktif dalam sama-sama menjaga nama baik kampung dengan adanya aktiviti-aktiviti seperti membuat kegiatan keagamaan seperti Majlis Khatam Al-Quran, membersihkan kubur Kampung Beribi, Majlis Qiam, kempen kebersihan masjid, mengadakan Peraduan Azan yang disertai oleh anak-anak penduduk kampung, mengadakan forum keagamaan, Kursus Fardu Kifayah, Majlis Bertahlil di Kubah Makam Diraja dan lain-lain lagi.

Para penduduk kampung yang terdiri daripada golongan belia dan juga kanak-kanak juga ikut serta dalam Sambutan Hari Kebangsaan yang diadakan setiap tahun. Semangat patriotisme ditanamkan untuk menyemai cinta kepada

raja dan negara kepada generasi ini.

Bagi belia-belia dan Muslimah Masjid, mereka juga bergiat aktif seperti membuat lawatan-lawatan ke jabatan-jabatan kerajaan dan juga lawatan ke luar negeri seperti ke negara jiran yang berdekatan. Kumpulan Muslimah Masjid Kampung Beribi juga pernah muncul johan Pertandingan Membaca Ayat-Ayat Suci Al-Quran Secara Muratal Bagi Muslimah-Muslimah Masjid Peringkat Masjid-Masjid Zon 3 DBM.

Seperi juga di masjid-masjid lain, Masjid Kampung Beribi juga mengadakan Kelas Al-Quran dan Muqaddam bagi kanak-kanak di kampung tersebut dan juga yang tinggal di persekitaran berhampiran. Kelas mengaji ini diadakan setiap Jumaat dan Ahad yang mana ada kalanya hampir 100 orang kanak-kanak belajar mengaji di masjid tersebut.

Sebagai sebuah kampung dengan landskap pemodenan kerana pembangunan, Kampung Beribi masih boleh berbangga kerana penduduknya masih mengamalkan sikap tolong-menolong serta bersatu padu dan bertoleransi walaupun penduduk di kampung ini terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama. Pembangunan yang dinikmati oleh penduduk di kampung ini menjadikan anak-anak kampung lebih berdaya saing dan bersemangat dalam menyertai apa-apa juau aktiviti yang dijalankan.



# Dua buah perahu mencurigakan ditahan



**BRUNEI MUARA**, Jumaat, 3 April. - Dalam situasi negara berusaha mengekang dan mengawal penularan jangkitan wabak COVID-19 ini, pasukan barisan hadapan (*frontliners*) terutama sekali pihak keselamatan dan penguatkuasaan sentiasa utuh dan tidak kendur-kendur dalam menjalankan tugasannya teras bagi mengawal dan memastikan undang-undang sentiasa ditanai dan dipatuhi sepuhnya.

Penguatkuasaan itu terbukti bila mana satu operasi sepado yang diketuai oleh Polis Marin, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) bersama Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) membuat hasil dengan membuat penahanan



PASUKAN Polis Diraja Brunei bersama Jabatan Kastam dan Eksais Diraja berjaya menahan dua buah perahu yang mencurigakan di kawasan perairan Negara Brunei Darussalam dan didapati membawa barang-barang *parcel* dari negara jiran secara tidak sah (atas dan kiri).

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

ke atas dua buah perahu yang mencurigakan di kawasan perairan Negara Brunei Darussalam.

Semasa penahanan perahu-perahu tersebut telah ditemukan di dalamnya sejumlah bungkus guni yang dipercayai berisi barang-barangan kiriman ataupun *parcel* daripada negara jiran yang cuba dibawa masuk ke negara ini secara tidak sah.

Pemandu dan penumpang dua perahu tersebut melibatkan

tiga orang lelaki warga tempatan, iaitu Mohd. Yusran bin Mohd. Yusra, berumur 21 tahun bersama Mohd. Afif bin Ramli, berumur 19 tahun, manakala sebuah lagi perahu dipandu oleh Matahir bin Haji Hidup, berumur 31 tahun.

Siasatan kes ditangani sepenuhnya oleh Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) dan akan disiasat di bawah Seksyen 140 Perintah Kastam 2006 iaitu menyeludup barang-barang tanpa deklarasi.

## Kebakaran hutan musnahkan habitat binatang liar



ANGGOTA Pusat Gerakan Bomba dan Penyelamat ketika menjalankan tugas menangani gangguan binatang liar.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Bomba dan Penyelamat

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 1 April. - Pada masa ini, Negara Brunei Darussalam mengalami cuaca yang sangat panas pada siang hari dan hujan pada malam hari, yang mengakibatkan kebakaran hutan juga rumput di beberapa kawasan.

Kebakaran hutan dan rumput ini mengakibatkan binatang-binatang liar, seperti ular, biawak dan sebagainya akan berkeliaran apabila tempat tinggal (habitat) binatang berkenaan musnah akibat kebakaran tersebut.

Mengikut statistik bagi bulan Januari hingga Mac 2020 jabatan ini, Pusat Gerakan Bomba dan

Penyelamat menerima sebanyak 615 panggilan kecemasan yang melibatkan panggilan gangguan binatang liar, iaitu ular.

Jenis-jenis ular yang sering dilaporkan adalah jenis Ular Tedung (King Cobra), Ular Sawa (Python), Ular Daun (Leaf Snake).

Ular-ular ini semestinya akan mencari tempat yang selamat untuk berteduh dan bersembunyi, seperti di dalam rumah, kawasan pokok-pokok bunga, dalam enjin kereta, dalam kereta, dalam kasut-kasut yang ditinggalkan di luar rumah, dalam tandas dan sebagainya.

Daripada jumlah 615 panggilan

kecemasan yang diterima, sebanyak 225 panggilan ular tidak dapat ditangkap atau dicari kerana kebiasaan orang ramai menghubungi Pusat Gerakan Bomba dan Penyelamat tidak memastikan keberadaan ular berkenaan sehingga apabila pihak bomba sampai didapati ular tersebut sudah pun tidak ada di tempat yang dimaksudkan.

Dengan hal ini, Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) (menyarankan orang ramai supaya mengambil langkah-langkah pencegahan, seperti kebersihan kawasan (*house-keeping*), iaitu memastikan pemotongan rumput di persekitaran rumah kediaman dan sebagainya.

Orang ramai juga haruslah peka akan kehadiran bintang-binatang ini juga memastikan keselamatan awda semasa berada di rumah atau di tempat lain dan awda bolehlah menggunakan saranan / tip berikut jika terjumpa binatang berkenaan di dalam rumah awda sebelum membuat Panggilan Kecemasan JBP 995, iaitu Memastikan bahawa binatang liar, seperti ular berada di dalam rumah kediaman sebelum menghubungi Talian Kecemasan JBP 995; Memerhatikan lokasi keberadaan ular di dalam rumah kediaman; Elakkan tindakan, seperti mengacu-acukan (*provoke*) / menangkapnya mahupun membunuhnya; Memastikan jarak keselamatan (*safety distance*) dengan ular berkenaan; Jika ular berkenaan berada di bilik yang dikenal pasti, tutup pintu berkenaan kerana jika ular menjalar ke tempat lain ia akan menyukarkan untuk dicari oleh pihak Bomba; dan Menghubungi JBP jika berlaku sebarang insiden kecemasan melalui Talian Kecemasan JBP 995 dan memberikan maklumat yang betul, tepat dan lengkap.

**SIAPAKAH YANG PERLU MENGGUNAKAN PENUTUP MULUT DAN HIDUNG?**

**! Penutup mulut dan hidung secara amnya tidak perlu digunakan bagi orang yang sihat.**

**Gunakan penutup mulut dan hidung JIKA awda**

**demam**      **batuk**      **selsema**

Cara penggunaan penutup mulut dan hidung **yang betul**.



# Kementerian Kesihatan terima sumbangan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 1 April. - Kementerian Kesihatan menerima sumbangan-sumbangan yang merupakan sebagai Tanggungjawab Sosial Korporat dan sumbangan ihsan daripada pihak penderma dalam membantu pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, khususnya Kementerian Kesihatan dalam sama-sama menangani dan membendung penularan jangkitan wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam.

Antara penyumbang tersebut ialah terdiri daripada Masyarakat Tiong Hua berupa cek berjumlah BND822,000.00 yang disampaikan oleh Yang Dimuliakan Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, seterusnya Low San Hardware yang berupa cek berjumlah BND100,000.00 yang disampaikan oleh Matthew Bond selaku Managing Director, diikuti sumbangan daripada Swee Sdn. Bhd. berupa cek berjumlah BND100,000.00 yang disampaikan oleh Chua Min Chu selaku Vice President, turut memberikan sumbangan ialah The Christian Community Negara Brunei Darussalam dengan cek berjumlah BND70,000.00 yang disampaikan oleh Bishop Cornelius Sim. Sumbangan seterusnya diterima daripada Ong Project Management, berupa cek berjumlah BND20,000.00 dan disampaikan oleh Lam Chit Sang. Diikuti seterusnya sumbangan daripada Arkitek Rekarya, berupa cek berjumlah BND20,000.00 disampaikan oleh Thomas Chin Kee Onn. Juga turut memberikan sumbangan ialah PUJA (Pertubuhan Ukur, Jurutera dan Arkitek) Brunei berupa cek berjumlah BND12,550.00 yang disampaikan oleh



**YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa menerima sumbangan daripada Masyarakat Tiong Hua yang disampaikan oleh Yang Dimuliakan Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin.**

Awang Haji Mohd. Zin bin Haji Salleh. Kesemua sumbangan yang disampaikan tersebut diterima oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar. Atur cara berlangsung di Bilik Tamu, Tingkat 3, Kementerian Kesihatan.

Sumbangan seterusnya diberikan oleh De Loitte & Touche Brunei berupa cek berjumlah BND10,000.00 yang disampaikan oleh Dayangku Khadijah binti Pengiran Haji Moksin iaitu wakil dari De

Loitte & Touche Brunei, diikuti seterusnya sumbangan daripada Zhongheng (B) Sdn. Bhd. berupa Mask N95 sebanyak 20 kotak (dengan jumlah keseluruhannya sebanyak 3,200 mask penutup mulut). Sumbangan diterima oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Abdul Manap bin Othman.

Juga tidak ketinggalan untuk memberikan sumbangan ialah Tokong Cina Muara yang berupa peralatan 16 unit Elba Air Purifier yang disampaikan oleh Johnson

Teo Khai Liang. Diikuti dengan sumbangan daripada Guangxi Beibu Gulf International Port Group Co. Ltd. yang berupa sebanyak 7,500 face masks yang disampaikan oleh Zeng Caili selaku Chief Executive Officer dan Lyu Guoli selaku Chief Financial Officer. Sumbangan-sumbangan tersebut diterima oleh Pemangku Pengarah Dasar dan Perancangan, Kementerian Kesihatan, Dayang Hajah Siti Ajar binti Haji Yusof yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.



**YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyerahterimakan bantuan kewangan kepada Dayang Rosnani binti Libut, ketua keluarga mangsa kejadian kebakaran.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 2 April. - Majlis Penyerahan Bantuan Kewangan Kerajaan kepada mangsa kebakaran yang berlaku di sebuah banglo Kementerian Kesihatan, Mukim Serasa pada 16 Mac 2020 menerima bantuan kewangan kerajaan daripada Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM),

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS). Majlis berlangsung di Bilik Kunjungan, Tingkat 8, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Sejumlah BND1,200.00 disumbangkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan

## Mangsa kebakaran terima bantuan kewangan kerajaan

Negara Brunei Darussalam melalui peruntukan JAPEM, KKBS kepada Dayang Rosnani binti Libut, ketua keluarga mangsa kejadian kebakaran.

Hadir bagi menyampaikan bantuan tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Turut hadir ialah Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Rostinah binti Pehin Orang Kaya Seri Sura Pahlawan Dato Paduka Haji Mohd. Tahir.

Pemberian bantuan kewangan ini adalah untuk membantu meringankan kesusahan yang dialami oleh mangsa. Usaha ini menunjukkan keprihatinan dan pemelulian pihak kerajaan terhadap rakyat dan penduduk yang mengalami musibah.

**Siaran Akhbar dan Foto :  
Jabatan Pembangunan Masyarakat**

## Tahukah Awda

**M**ENTERI di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah selaku Pengurus Jawatankuasa Kebangsaan bagi Projek Jambatan Penghubung Daerah Brunei Muara dan Daerah Temburong memaklumkan, Jambatan Penghubung Daerah Brunei Muara dan Daerah Temburong telah dibuka pada Selasa, 22 Rejab 1441H / 17 Mac 2020M mulai dari jam 6.00 pagi hingga 10.00 malam setiap hari, dan kemudiannya diubah dari jam 6.00 pagi hingga 6.00 petang. Makluman tersebut dibuat pada Sidang Media bagi Status Terkini Jangkitan COVID-19 pada 16 Mac 2020.

Hanya kenderaan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam dalam Kelas I, III, IV dan VI yang dibenarkan menggunakan jambatan tersebut. Penggunaan basikal adalah tidak dibenarkan sama sekali. Walau bagaimanapun, bagi kenderaan-kenderaan komersial yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam dalam Kelas V, kebenaran hendaklah dipohonkan melalui Bridge Maintenance Office.

**SUMBER :** Pelita Brunei, Rabu, 18 Mac 2020.

**BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)**

**'SEDEKAH MAMPU MENOLAK MUSIBAH, BALA BENCANA'**

دتربيتکن اوله جباتن ٿراغن، جباتن ڦردان منtri دان ڏيچيٽ اوله جباتن ڦرچيٽن کراجاڻ، نگارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam